

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوْ كُنَّ مَنَارًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI PERUBATAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

ARIZA BINTI ADNAN

KETUA UNIT KUALITI :

LENY SUZANA BINTI SUDDIN

PENYELARAS :

PENULIS :

1. SITI NORASHIKIN BINTI MOHD TAMBEH
2. LENY SUZANA BINTI SUDDIN
3. NURSAFURA IDAYU BINTI SUHAIMI
4. SALINA BINTI ABDUL WAHAB
5. SYED MUHAMAD NAQIB BIN SYED MOHD ABD GHANI
6. NORITA BINTI SALIM
7. NOOR AZHAR BIN MD SAAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan FPR iaitu dekan dan timbalan-timbalan dekan komited bagi memastikan program P&P berjalan lancar. Ini meliputi pelajar sarjana muda dan pelajar pascasiswazah yang terdiri dari pelajar sarjana dan kedoktoran secara penyelidikan dan juga pelajar sarjana kepakaran.

Kepimpinan kanan atau pengurusan atasan fakulti mengamalkan gaya kepimpinan berimpak tinggi dengan mengamalkan beberapa prinsip iaitu mempunyai visi yang jelas, bertindak secara strategik, berkomunikasi secara berkesan dan memupuk kreativiti dan inovasi.

Bagi pelajar sarjana muda, kepimpinan kanan sentiasa memastikan pelajar menjalani P&P dengan efektif, berdaya saing dengan dibantu oleh teknologi dan inovasi terkini. Bagi memastikan pelajar yang memasuki fakulti adalah merupakan calon yang terbaik, FPR telah mengadakan temubual bagi kemasukan pelajar. Proses pembelajaran pelajar juga telah dipelbagaikan dengan memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti kursus elektif, mendaftar dalam *Massive Open Online Course* (MOOC) dan menyediakan CSL.

Bagi pelajar pascasiswazah, FPR telah memastikan pemantauan berterusan supaya meningkatkan bilangan pelajar yang *Graduate on Time* (GoT). Pihak IMMB dan pengurusan kanan juga berusaha untuk memastikan IMMB sentiasa dalam keadaan yang optimum bagi pelajar menjalankan penyelidikan. Di samping itu, kepimpinan kanan juga berusaha bagi menambah bilangan program pascasiswazah yang baru terutama bagi bidang sarjana kepakaran.

Bagi meningkatkan kualiti pensyarah, FPR komited bagi memberi peluang kepada pensyarah untuk melanjutkan pelajaran atau menguasai sesuatu bidang dengan lebih mendalam. Pensyarah juga berpeluang untuk memperbaiki cara penyampaian pengajaran melalui maklumbalas seperti SUFO dan PROPENS.

Untuk menangani risiko yang terhasil akibat pandemik Covid-19, pihak kepimpinan kanan telah mengambil tindakan bagi memastikan proses P&P berjalan dengan lancar. Segala proses P&P dan juga peperiksaan telah dibuat secara atas talian. Bagi membantu pelajar perubatan di tahun klinikal, CSL di bawah pimpinan DOME telah berjaya membantu pelajar melalui pembelajaran secara simulasi.

Peranan, tanggungjawab dan rantai tadbir urus yang dinyatakan ini diamalkan dengan berasaskan kepada visi yang jelas dari kepimpinan fakulti. Pada tahun awal tahun 2020, pihak pengurusan atasan fakulti telah meluluskan penganjuran Bengkel Perancangan Strategik dan Pengurusan Operasi yang telah melibatkan kepimpinan kanan, semua ketua jabatan akademik dan pentadbiran serta penyelaras-penyelaras di fakulti perubatan. Objektif bengkel yang bertujuan menyemak semula hala tuju dan pencapaian fakulti telah berjaya menghasilkan pelan strategik yang menyasarkan tempoh tindakan jangka masa sederhana antara satu hingga lima tahun dan dibukukan sebagai 'Strategic Planning Book- Faculty of Medicine Year 2020'. Semasa bengkel komunikasi dua hala dan secara terus antara kepimpinan dalam semua lapisan di fakulti telah berlaku dan pengurusan kanan mengetengahkan objektif baru yang juga boleh dianggap sebagai visi baru fakulti iaitu menjadikan fakulti perubatan sebagai pusat pengajian perubatan lima (5) teratas di dunia menjelang tahun 2030. Objektif baru ini telah terhasil selepas mengambil kira data-data pencapaian fakulti pada tahun sebelumnya dan perkongsian pendapat semasa bengkel. Matlamat yang merupakan cetusan idea oleh dekan dan disokong oleh ahli MPF dalam salah satu mesyuarat pengurusan fakulti telah dikongsikan kepada semua ketua-ketua jabatan yang menghadiri bengkel tersebut untuk di bincang di peringkat jabatan masing-masing.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi pelajar sarjana muda, segala keperluan kurikulum adalah di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan Akademik (TDA) dan keperluan lain seperti kebajikan dan aktiviti ko-kurikulum adalah bawah seliaan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar). Pihak TD (Akademik) bertanggungjawab bagi menyusun jadual waktu, menguruskan peperiksaan, program mentor mentee, SUFO, PROPENS, mengadakan mesyuarat atau perjumpaan bersama pensyarah bagi penambahbaikan P&P dan sebagainya. Dari segi jadual waktu dan pengurusan soalan peperiksaan seperti *vetting*; Koordinator Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun Klinikal dilantik bagi membantu TDA. Sebarang usul, permasalahan dan penambahbaikan P&P akan dibincangkan di Jawatankuasa Kecil Kurikulum Fakulti (JKKF) yang ahlinya terdiri dari Koordinator Tahun dan Ketua Jabatan. Bagi peperiksaan, segala keputusan peperiksaan akan dibincangkan dan dipersetujui di *Examiners' Board Meeting* (EBM) yang terdiri dari pemeriksa kertas peperiksaan. Segala usul dan keputusan dari JKKF dan EBM akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) untuk diperakukan. Ahli JAF terdiri dari dekan, TD dan juga beberapa profesor yang berpengalaman. Sebarang keputusan dan pengumuman dari JAF juga akan disampaikan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya disampaikan kepada kakitangan fakulti.

Pelajar pascasiswazah pula adalah di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan Pascasiswazah dan Latihan Ikhtisas (TDPG). TDPG dibantu oleh kakitangan pentadbiran dan juga koordinator setiap program pascasiswazah. Pihak TDPG bertanggungjawab bagi menemuramah pelajar, memantau kemajuan pelajar, membincangkan pemeriksa tesis dan viva dan keputusan peperiksaan bagi pelajar pascasiswazah. TDPG juga turut mempengerusikan Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS) yang berfungsi untuk mengendalikan segala proses yang telah diuraikan di atas. Segala keputusan dan saranan dari JKAPS akan dibawa ke JAF untuk diperakukan.

IMMB merupakan salah satu institut bagi pelajar pascasiswazah dan kakitangan akademik menjalankan penyelidikan molekular. IMMB ditadbir oleh seorang pengarah yang akan melapor terus kepada dekan. Pengarah IMMB dibantu oleh pegawai-pegawai sains untuk memastikan IMMB sentiasa dalam keadaan yang terbaik bagi memberi kemudahan penyelidikan. IMMB sentiasa mengadakan bengkel, seminar dan latihan berkaitan penyelidikan untuk pelajar pascasiswazah dan kakitangan yang berminat.

Bagi tenaga kerja ataupun pensyarah, kemajuan kerjaya mereka adalah di bawah bidang tanggungjawab TDPG dan pihak pengurusan FPR. Permohonan bagi melanjutkan pengajian ke bidang doktor falsafah, sarjana kepakaran, sub-kepakaran atau sabatikal akan diuruskan oleh pihak TDPG dan dibawa ke Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) untuk diluluskan. Urusan berkaitan kelulusan menghadiri kursus, seminar atau bengkel jangka pendek juga diuruskan oleh pihak pengurusan FPR.

Ketua DOME yang melaporkan terus kepada dekan juga turut membantu di dalam proses P&P. Ketua DOME dibantu oleh pegawai sains, pembantu makmal dan jururawat telah membangunkan semula CSL untuk kegunaan pelajar dan telah menjalankan seminar berkaitan P&P bagi pensyarah. Di samping itu, DOME telah menyediakan beberapa kelengkapan dari segi IT dan rakaman bagi pensyarah merekod video bagi tujuan P&P.

SENARAI BUKTI:

1. [Senarai Lantikan JAF as at 2019-2020.pdf](#)
2. [SENARAI KEAHLIAN JKKF 2019-2020.pdf](#)
3. [KEAHLIAN JKAPS \(2\).pdf](#)
4. [carta organisasi IMMB_LATEST Jan 2019_hafiz.pdf](#)
5. [Tentatif Program update 26.02.2020.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi program sarjana muda, bagi memastikan semua program yang telah dirancang berjalan, beberapa jawatan telah diwujudkan seperti Koordinator Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun Klinikal. Mereka akan memastikan segala perancangan akademik seperti menyusun dan menyemak jadual waktu, *blueprinting* soalan, *vettings* soalan peperiksaan, maklum balas terhadap peperiksaan, mengenal pasti pelajar yang lemah dalam akademik dan sebagainya. Bagi membantu pelajar untuk menyesuaikan diri dalam fakulti, pihak TDA telah mengadakan program mentor mentee dan melantik koordinator mentor mentee bagi memastikan semua pelajar mempunyai mentor dan membincangkan masalah yang mereka hadapi. Pihak TDA juga telah melantik koordinator SUFO bagi membantu dalam mengumpul dan berkongsi maklumat maklum balas SUFO bersama dengan pensyarah. Terdapat juga beberapa koordinator lain yang dilantik oleh pihak akademik seperti koordinator program elektif, modul, bilik SGS, PBL dan sebagainya. Kesemua koordinator ini akan bekerja bersama dengan pihak akademik, pensyarah dan juga pelajar bagi memastikan program akademik berjalan dengan lancar.

Urusan pelajar pasca siswazah pula diuruskan oleh pihak TDPG. Koordinator bagi program sarjana (secara penyelidikan) dan doktor falsafah telah dilantik bagi urusan calon pelajar, mengiklankan kekosongan bagi pelajar, pemantauan dan sebagainya. Bagi program sarjana kepakaran, setiap program mempunyai koordinator yang tersendiri bagi membantu urusan pelajar, penambahbaikan akademik, pemantauan dan sebagainya. Setiap koordinator ini akan bekerja dengan pihak TDPG dan juga tenaga pengajar subjek yang berkenaan bagi memastikan program berjalan lancar.

Pengarah IMMB dilantik oleh TNCAA bagi memastikan segala urusan penyelidikan berkaitan molekul berjalan dengan lancar untuk pelajar pascasiswazah dan juga untuk kakitangan. Pengarah IMMB dibantu oleh pegawai-pegawai sains yang berpengalaman dan setiap pegawai sains ini akan bertanggungjawab ke atas makmal yang berbeza di dalam IMMB. Antara makmal yang terdapat di IMMB ialah makmal biomolekul yang melibatkan makmal RNA, DNA dan protein, makmal kultur tisu, unit pengimejan (*confocal, fluorescence dan ultramicrotome*), makmal produk semulajadi dan sebagainya.

Ketua DOME juga merupakan lantikan TNCAA. Di bawah ketua DOME, terdapat beberapa orang pensyarah dan kakitangan sokongan yang terlibat di dalam unit yang berbeza di dalam DOME seperti unit kurikulum dan penilaian, unit CSL dan sebagainya. Setiap unit ini akan bekerja dengan pihak akademik bagi memastikan P&P berjalan dengan lebih lancar.

Bagi kakitangan akademik, urusan seperti menghadiri kursus, latihan dan bengkel adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan. Pendaftar dan penolong pendaftar di FPR berperanan bagi membantu kakitangan dari segi kenaikan pangkat, perkhidmatan, cuti, kebajikan dan sebagainya. Bagi pengembangan kerjaya, PPSM bertanggungjawab bagi memberi kelulusan dan cadangan kepada MPF berkenaan kakitangan yang ingin menyambung pelajaran dalam bidang kedoktoran, sub-kepakaran atau sabatikal.

Kepimpinan kanan memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dilaksanakan secara sistematik dan berasaskan sasaran yang ditetapkan. Di samping itu, timbalan-timbalan dekan dan ketua-ketua jabatan sentiasa diberi peluang untuk berkomunikasi secara terbuka bersama dekan, samaada secara individu (menggunakan kaedah bersemuka, emel atau aplikasi whatsapp) atau secara rasmi dalam Mesyuarat Ketua Pentadbiran Fakulti. Strategi yang diguna pakai oleh pimpinan kanan adalah dengan memastikan ketua-ketua jabatan mempunyai saluran jelas untuk mengemukakan cadangan dan sentiasa bersedia dalam memberikan sokongan bagi mendapatkan sumber yang diperlukan dalam melaksanakan program dan operasi bagi mencapai hala tuju fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [SURAT LANTIKAN KOORDINATOR TAHUB 2 - DR. SYAHRUL AZLIN.pdf](#)
2. [KOORDINATOR MSC.pdf](#)
3. [KOORDINATOR PHD.pdf](#)
4. [SURAT PELANTIKAN KETUA PUSAT PENGAJIAN.pdf](#)
5. [Petikan Minit PPSM Bil.3-2019.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan tahap kepimpinan warga fakulti dipantau sebagai salah satu komponen MyATP atau SKT. Pensyarah yang memegang jawatan pentadbir mempunyai peluang untuk mendapatkan kenaikan pangkat menggunakan trek Kepimpinan Institusi. Bagi bidang tumpuan ini, barisan kepimpinan fakulti memantau pencapaian fakulti mengikut portfolio seperti yang dinyatakan di bawah.

Timbalan Dekan Akademik (TDA) adalah bertanggungjawab bagi pencapaian akademik pelajar sarjana muda, pemantauan dari segi akademik dilaksanakan dari segi peperiksaan. Bagi pelajar yang lemah, mereka akan dipantau oleh pihak akademik berdasarkan keputusan peperiksaan dan juga laporan dari mentor. Bagi memantau tahap profesionalisme pensyarah dalam menyampaikan pengajaran, PROPENS telah dijalankan ke atas pensyarah yang dipilih secara rawak. SUFO juga diadakan bagi melihat maklumbalas pelajar terhadap subjek-subjek yang mereka pelajari. Keputusan SUFO ini dikongsi oleh pihak TDA dengan Ketua Jabatan, yang akhirnya akan membincangkan maklumbalas SUFO di peringkat jabatan. Cadangan dari maklumbalas SUFO akan diambil maklum dan perubahan yang berkaitan akan diambil.

Timbalan Dekan Pascasiswazah dan Latihan Ikhtisas (TDPG) adalah bertanggungjawab bagi pencapaian akademik pelajar pascasiswazah. Kemajuan mereka dipantau melalui mesyuarat Laporan Kemajuan Pascasiswazah yang dikendalikan oleh JKAPS dan pihak TDPG. Mesyuarat ini dapat memberi pihak TDPG peluang bagi mengenal pasti pelajar yang akan *Graduate on Time* (GoT).

Di IMMB, pengarah IMMB telah memberi tugas khas kepada semua pegawai sains dan kakitangan untuk memantau dan menyelia makmal yang berbeza di IMMB. Mereka bertanggungjawab ke atas penggunaan makmal dan alatan. Segala kerosakan alatan atau masalah yang timbul akan dipanjangkan oleh kakitangan kepada pengarah.

Bagi CSL pula, pihak kepimpinan kanan menjadikan agenda pembangunan CSL di bawah bidang pendidikan perubatan sebagai agenda utama fakulti bermula tahun 2019. Pemantauan perkembangan CSL dijalankan secara berterusan. Pengarah CSL yang juga merupakan Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan dilantik sebagai ahli MPF. Perkembangan CSL dibentangkan pada setiap MPF dari segi hala tuju, operasi, kewangan dan pencapaian.

Hasil pemantauan aspek kepimpinan ini digunakan untuk menambahbaik proses-proses yang ada di fakulti, sebagai contoh; maklum balas yang dikongsi semasa mesyuarat ketua jabatan adalah terdapat keperluan ketua jabatan yang baru untuk mendapatkan pendedahan kepada ciri-ciri kepimpinan yang berkesan. Justeru itu, pada tahun 2020, pengurusan atasan telah bersetuju memasukkan komponen seminar kepimpinan sebagai salah satu modul bagi Bengkel Perancangan Strategik Fakulti.

SENARAI BUKTI:

1. [MENTOR REPORT FORM 2019.pdf](#)
2. [PROPENS - finalreport_FACULTY OF MEDICINE_Semester 1 2018_2019_UiTM Kampus](#)

[Hospital Cg. Duri1.pdf](#)

3. [SURAT LANTIKAN KOORDINATOR SUFO - DR. AHMAD RUZAIN.pdf](#)
4. [2018-2019 SuFO Y1 SEM2 Survey Reports_PHY.pdf](#)
5. [monitoring assessment form Afiqq Aiman Bin Abd Ghapor.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan kanan fakulti telah melantik penyelararas risiko seperti yang disarankan oleh Bahagian Pengurusan Risiko universiti. Pada tahun 2020, daftar risiko fakulti telah dikemaskini setelah mendapatkan maklum balas daripada setiap ketua jabatan yang ada di fakulti perubatan. Ketua Unit Kualiti pula telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua ketua jabatan mengemukakan maklumat risiko berdasarkan persekitaran kerja jabatan masing-masing bersama perancangan bagi menangani risiko yang dinyatakan.

Antara risiko di FPR yang didaftarkan ke dalam daftar risiko UiTM yang berkaitan dengan bidang P&P ialah kesukaran untuk melakukan pembelajaran secara bersemuka semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semua pensyarah menggunakan pelbagai media bagi tujuan P&P seperti e-mail, *whatsapp* dan sebagainya dan juga mengaplikasikan penggunaan program MS Teams bagi tujuan syarahan, tutorial, praktikal dan sebagainya. Pelajar tahun klinikal tidak boleh pergi ke wad dan klinik kerana risiko jangkitan Covid-19. Untuk membantu pelajar, dekan meminta ketua DOME membangunkan CSL bagi pembelajaran secara simulasi. Beberapa pembaharuan telah dilakukan seperti mewujudkan *Focus Skill Station* (FSS), simulasi *Basic Life Support* (BLS), simulasi wad dan pengambilan pesakit simulasi bagi *bedside teaching*. Fakulti juga menggalakkan penggunaan Massive Open Online Course (MOOC) bagi meningkatkan P&P secara atas talian.

Satu lagi risiko yang dikenalpasti di dalam daftar risiko fakulti ialah penangguhan kemasukan pelajar baru. Pihak TDA telah meminda jadual akademik supaya pelajar yang sedia ada dapat menghabiskan silabus pembelajaran dan memberi ruang kepada pelajar baru untuk melapor diri.

Peperiksaan turut dijalankan secara atas talian menggunakan platform UFUTURE. Beberapa format penilaian juga telah ditukar dari tugas bertulis kepada tugas dalam bentuk video seperti bagi subjek *Personal and Professional Development* (PPD). Sebelum PKP pelajar dinilai melalui pembentangan secara berkumpulan berdasarkan tajuk yang diberi. Semasa PKP, sukar untuk menilai pembentangan secara kumpulan dan jabatan PPD telah memperkenalkan tugas secara individu di mana pelajar perlu membuat video tentang topik yang diberi.

Pelajar pascasiswazah secara penyelidikan turut terkesan semasa PKP. Penyelidikan perlu diteruskan dengan mengambilkira pematuhan pada SOP, pengarah IMMB telah membuat beberapa pembaharuan. Pelajar perlu membuat tempahan makmal dan alatan secara atas talian. Maklumat tempahan akan dikongsi di platform *Google Calendar* dan dapat dilihat oleh semua pengguna IMMB

SENARAI BUKTI :

1. [Daftar risiko.pdf](#)
2. [PPD - 200421 Y2 Updates Regarding Changes in Evaluation and Assessment of PPD Course- Year 2.pdf](#)
3. [Minit JAF - Online exam - Kelulusan JAF - Minute JAF 4-2020.pdf](#)
4. [SOP IMMB.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dokumen dan data berkaitan hasil pemantauan yang dibentangkan dalam mesyuarat dan program yang dinyatakan di atas adalah di bawah pengurusan jabatan-jabatan yang terlibat. Cadangan daripada pihak pengurusan dijadikan asas kepada tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan. Penambahbaikan yang dilaksanakan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti yang akan dinyatakan di bawah. Tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan pula dihebahkan kepada semua warga di fakulti semasa mesyuarat fakulti dan disampaikan oleh pihak pengurusan atasan mengikut portfolio masing-masing.

Peperiksaan atas talian merupakan suatu kaedah yang baru bagi pelajar sarjana muda. Dalam membangunkan peperiksaan sebegini ini, pihak TDA dengan bantuan koordinator Tahun 1, Tahun 2, pendaftar akademik dan juga kakitangan IT telah berusaha untuk membentuk sistem peperiksaan menggunakan platform UFUTURE. Dalam pembangunan sistem tersebut, maklum balas daripada pelajar dan pensyarah adalah diperlukan bagi memastikan peperiksaan dapat berlangsung dengan lancar. Tatacara penambahbaikan termasuklah para pelajar perlu melalui proses uji lari terlebih dahulu; mereka perlu log masuk UFUTURE dan membiasakan diri mereka dengan format soalan dan cara menjawab. Selepas sesi uji lari, pelajar akan memberi maklum balas mereka. Pensyarah juga perlu melalui proses uji lari bagi memastikan kelangsungan peperiksaan dan membiasakan mereka dengan cara pemarkahan. Segala maklum balas diambil maklum oleh pihak TDA dan dibentangkan di mesyuarat JAF bagi pengesahan.

Bagi peningkatan kemahiran pensyarah, mereka akan dimaklumkan mengenai maklum balas SUFO dan PROPENS melalui Ketua Jabatan masing-masing. Jabatan akan berbincang mengenai maklum balas SUFO dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Bagi PROPENS setakat ini, tiada pensyarah di FPR yang mendapat markah yang rendah, maka pihak TDA hanya perlu memantau cara pengajaran oleh pensyarah supaya markah sedia ada dapat dikekalkan.

Untuk pelajar pascasiswazah pula, *progress report* yang diadakan telah dapat mengenalpasti pelajar yang bermasalah. Pihak TDPG akan memanggil penyelia dan penyelia bersama untuk membincangkan langkah yang perlu diambil bagi membantu pelajar tersebut.

Pengarah CSL telah membangunkan sistem tempahan FSS secara atas talian. Setelah sistem tempahan dibangunkan, seramai 60 orang pelajar Tahun 2 telah dipilih secara rawak untuk menguji sistem tempahan. Pelajar kemudian memberikan maklum balas mengenai sistem tersebut. Hasil maklum balas pelajar, sistem tempahan bagi FSS secara atas talian telah digunakan secara rasmi pada Disember 2019.

SENARAI BUKTI :

1. [Minutes Physio SUFO 03052019.pdf](#)
2. [Email MOCK exam.pdf](#)
3. [Minit JAF - Online exam - Kelulusan JAF - Minute JAF 4-2020.pdf](#)
4. [PG Monitoring email.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak kedekanan merupakan tunjang utama dalam menggerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Bagi bidang tumpuan P&P, ianya berkait rapat dengan objektif fakulti iaitu FPR akan menjadi antara lima peratus fakulti perubatan yang terbaik di dunia, maka dua strategi utama dalam memastikan kualiti pelajar dan kualiti program yang ditawarkan berada di tahap yang tinggi menjadi fokus kepimpinan fakulti.

Pihak kedekanan antaranya telah membuat keputusan untuk membangunkan sistem pemilihan pelajar secara lebih berstruktur bagi kemasukan ke program sarjana muda. Pemilihan pelajar ini melibatkan temubual mengikut stesen yang mempunyai matlamat yang tersendiri. Temubual ini yang juga dikenali sebagai *Multiple Mini Interview* (MMI) telah dipraktikkan hampir di semua fakulti perubatan sedunia. Kakitangan FPR telah dimaklumkan mengenai MMI dan para pensyarah dan kakitangan sokongan telah bersama-sama menjayakan MMI.

Bagi menjadikan pelajar perubatan berdaya saing dan berminat dalam penyelidikan, dekan dan pihak TDA telah memberikan sokongan kepada pelajar perubatan untuk mengikuti kursus elektif di luar negara bagi mengembangkan minat mereka kepada penyelidikan dan FPR juga berjaya menandatangani perjanjian MoU yang baharu seperti bersama Bernhard-Nocht Institute For Tropical Medicine, Germany dan Volgograd State Medical University, Russia.

Untuk program pascasiswazah, FPR telah berusaha untuk menambah lebih banyak program terutama dalam bidang sarjana kepakaran. Ini adalah untuk menghasilkan graduan doktor pakar bagi mengisi kekosongan doktor pakar di seluruh negara. Terdapat dua program sarjana kepakaran telah bermula pada 2019 dan 2020 iaitu MD931 (Doktor Kesihatan Awam) dan Sarjana Sains Surgeri (Kardiorasik), MD777. Program MD777 merupakan program yang pertama ditawarkan di Malaysia dan ianya adalah hasil cetusan idea daripada pensyarah di Unit Pembedahan dan Kardiorasik bersama-sama dengan Institut Jantung Negara (IJN). Kerjasama pembangunan program berjaya mengiktiraf proses pengajian kepakaran bidang ini turut digunapakai di institusi luar iaitu IJN. Dekan dan pihak TDPG juga giat berbincang dengan pensyarah dari disiplin lain bagi meningkatkan program sarjana kepakaran yang lain. Terdapat beberapa sarjana kepakaran yang akan memulakan pengambilan pelajar dalam masa yang terdekat seperti Sarjana Radiologi dan Sarjana Perubatan Kecemasan.

SENARAI BUKTI :

1. [MMI - Kertas kerja cadangan TEMUDUGA kemasukan ke MBBS240 \(SENAT\).pdf](#)
2. [Active 2019&2020_MoU, MoA, RA, CTA.pdf](#)
3. [Elektif - Kelulusan Kebenaran Keluar Negara Bagi Kursus Elektif - Russia, Saudi Arabia, Germany.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti mempunyai pelan strategik yang selari dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan juga aspirasi universiti. Ini dapat dilihat dari ringkasan RMK-11 dan juga nota taklimat Amanat Naib Canselor di mana peningkatan modal insan merupakan salah satu teras yang perlu diambil perhatian. Peranan FPR dalam menghasilkan graduan siswazah dan pasca siswazah adalah sangat menepati aspirasi ini. FPR komited dalam menghasilkan graduan yang berdaya saing, sedia untuk memasuki alam pekerjaan dan sedia dengan pembelajaran sepanjang hayat.

Bagi mendokong aspirasi ini, FPR telah mengadakan bengkel perancangan strategik di mana dua teras berkaitan dengan bidang tumpuan yang dipilih telah dapat dikenal pasti. Dua teras ini adalah berkaitan dengan pelajar sarjana dan juga pelajar pasca siswazah. Bagi pelajar pasca siswazah, FPR komited untuk menghasilkan lebih ramai doktor pakar yang akan mengisi kekosongan keperluan doktor pakar di negara seperti yang diunjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagi meningkatkan bilangan doktor pakar ini, FPR akan meningkatkan program sarjana kepakaran dengan bantuan pakar-pakar dari institusi yang lain. Peningkatan bilangan graduan pasca siswazah yang berjaya GoT juga merupakan salah satu matlamat FPR. Pelbagai inisiatif telah dirancang bagi menjayakan pelan strategik ini.

Teras kedua dalam pelan strategik FPR ialah berkaitan akademik dan hal ehwal pelajar. Ini juga adalah selaras dengan aspirasi RMK-11 bagi menghasilkan graduan abad ke-21. Graduan yang dihasilkan perlu mempunyai nilai kemahiran insaniah yang tinggi yang juga merupakan salah satu matlamat FPR. Pelbagai inisiatif telah disusun oleh FPR termasuk dalam pemerkasaan penggunaan digitalisasi dan simulasi bagi membantu proses P&P.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPR mempunyai perubahan dari segi penetapan objektif dan sasaran strategik bagi tahun 2019 dan 2020 selaras dengan perubahan yang berlaku di peringkat universiti. Seiring dengan keperluan perubahan ini, FPR telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik yang berlangsung di Bangi Resort Hotel pada 27 hingga 29 Februari 2020. Bengkel ini telah dihadiri oleh kepimpinan kanan, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua unit, koordinator akademik dan kakitangan sokongan bagi membincangkan hala tuju fakulti berdasarkan maklumat pencapaian pada tahun-tahun sebelumnya.

Setelah bengkel tamat, terdapat tujuh strategi baru yang telah dikenal pasti dan lima strategi sedia ada yang perlu diberi penekanan. Strategi-strategi ini telah diterjemahkan sebagai projek inisiatif strategik utama yang membentuk pelan tindakan fakulti. Di antara tujuh strategi baru tersebut, terdapat dua strategi yang mempunyai kaitan langsung dengan P&P iaitu: 1) pascasiswazah dan pembangunan profesional dan 2) akademik dan hal ehwal pelajar. Bagi strategi yang sedia ada, terdapat dua strategi yang berkaitan dengan P&P iaitu: 1) *Quantum Leap* – bagi pembangunan program sarjana kepakaran dan 2) *Infinite Digital Learning*– bagi meningkatkan kualiti P&P melalui digitalisasi dan pembelajaran atas talian.

Bagi strategi pasca siswazah dan pembangunan profesional, ianya bertujuan untuk meningkatkan bilangan program sarjana kepakaran yang setaraf dengan doktor falsafah. Penambahan program sarjana kepakaran ini secara langsung menambah bilangan doktor pakar di Malaysia. Strategi ini adalah kesinambungan kepada strategi *Quantum Leap*. Terdapat lima program sarjana kepakaran yang telah diluluskan oleh MQA dan akan mula mengambil pelajar iaitu Sarjana Radiologi, Sarjana Perubatan Kecemasan, Sarjana Perubatan Rehabilitasi, Sarjana Sains Surgeri (Kardiorasik) dan Kedokteran Surgeri (Kardiorasik). Terdapat juga beberapa program sarjana kepakaran yang sedang dibangunkan seperti Sarjana Perubatan Forensik. Satu lagi tujuan strategi ini ialah untuk meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah dan bilangan pelajar pascasiswazah yang GoT. Beberapa langkah telah disarankan bagi mencapai matlamat ini seperti meningkatkan promosi kepada bakal pelajar, sistem mentor di antara pelajar baru dengan alumni, meningkatkan kerjasama dengan badan-badan profesional dan mendapatkan khidmat tenaga pengajar dari kalangan doktor pakar tersohor.

Strategi kedua yang berkaitan dengan P&P ialah akademik dan hal ehwal pelajar. Strategi ini adalah disasarkan untuk pelajar sarjana muda. Terdapat dua matlamat utama iaitu meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan proaktif. Matlamat kedua ialah bagi pelajar mengasimilasi mata pelajaran asas pra-klinikal semasa di tahun klinikal. Terdapat beberapa inisiatif bagi mencapai matlamat tersebut. Inisiatif pertama ialah membantu pelajar yang lemah dalam bidang akademik yang dikenalpasti melalui keputusan peperiksaan berkala (*progress test*). Pelajar-pelajar ini akan mendapat bimbingan secara peribadi. Inisiatif kedua ialah meningkatkan bilangan pelajar yang mendapatkan latihan di luar fakulti (*outbound*) dan menambah bilangan pelajar dari institut luar ke fakulti (*inbound*). Inisiatif ketiga adalah penambahbaikan kemahiran insaniah di mana fakulti akan menyediakan platform bagi pelajar membuat ucapan umum, menggalakkan pelajar menyertai aktiviti ko-kurikulum dan sebagainya. Inisiatif seterusnya adalah bagi memantapkan ilmu sains asas yang dipelajari semasa tahun pra-klinikal. Jabatan yang terlibat perlu menjalankan semakan kurikulum bagi memastikan pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang mereka pelajari dengan semasa tahun klinikal.

Bagi mendokong inisiatif sedia ada iaitu *Infinite Digital Learning* fakulti berusaha bagi

meningkatkan kualitas dan dengan memberikan pemahaman pembelajaran secara digital dan alat talian seperti MOOC.

SENARAI BUKTI:

1. [Perancangan strategik - postgrad.pdf](#)
2. [MQA. -Anaes.pdf](#)
3. [CVTS - list name lacturer.pdf](#)
4. [Perancangan strategik - akademik.pdf](#)
5. [MOOC list updated 12-2020.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) merupakan rancangan pembangunan lima tahun bermula dari 2016 sehingga 2020. Ia merupakan rancangan pembangunan terakhir sebelum merealisasikan Wawasan 2020. Pengumuman RMK-11 telah dilakukan pada 21 Mei 2015 dan berpandukan kepada slogan 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat'. Terdapat enam teras strategi bagi menangani semua keperluan rakyat dan teras 'Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju' adalah berkaitan dengan bidang tumpuan yang dipilih. Pembangunan modal insan di sini merujuk kepada pembelajaran sejak lahir hingga ke akhir hayat bagi menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Salah satu inisiatif bagi mencapai teras ini ialah memperkasakan pendidikan untuk siswazah abad ke-21. Siswazah perlu sentiasa bersedia menghadapi masa depan melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran kritikal dan pembelajaran perlu diperluaskan secara atas talian untuk sepanjang hayat.

Bagi tahun 2019, proses P&P di FPR mendukung aspirasi RMK-11 dengan menyediakan program akademik yang menyeluruh, berdaya saing, meningkatkan kemahiran kritikal dan mengaplikasikan digitalisasi dan juga simulasi bagi menghasilkan pelajar sarjana dan pelajar pasca siswazah. Perancangan strategik FPR juga adalah selaras dengan teras RMK-11 iaitu 1) pasca siswazah dan pembangunan profesional dan 2) akademik dan hal ehwal pelajar.

Bagi strategi pasca siswazah dan pembangunan profesional dan juga inisiatif *Quantum Leap*, penambahan program sarjana kepakaran jelas menunjukkan bahawa FPR ingin menambah bilangan graduan yang berkemahiran tinggi yang boleh diserapkan ke dalam tenaga kerja bagi membangunkan sektor kesihatan negara. Matlamat penambahan bilangan pelajar pasca siswazah berserta pelajar yang GoT juga adalah mendukung RMK-11 di mana ini akan juga meningkatkan bilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Ada di antara pelajar pasca siswazah yang akan menjadi pensyarah dan seterusnya dapat menjayakan aspirasi pembelajaran sehingga ke akhir hayat.

Bagi strategi akademik dan hal ehwal pelajar, ini juga adalah selari dengan RMK-11 di mana melalui pemantapan akademik, modal insan yang berkemahiran tinggi dapat dihasilkan. Matlamat pertama strategi ini iaitu meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan proaktif dapat menghasilkan siswazah abad ke-21 yang berdaya saing, berkemahiran tinggi dan mempunyai nilai keperibadian yang murni. Matlamat kedua strategi ini adalah bagi pelajar mengasimilasi mata pelajaran asas pra-klinikal semasa di tahun klinikal. Walaupun matlamat kedua ini agak fokus dan spesifik kepada FPR, ianya juga menyumbang kepada penghasilan graduan berkemahiran tinggi dan mempunyai minda yang tajam dan kritikal.

Inisiatif sedia ada iaitu *Infinite Digital Learning* juga selari dengan aspirasi RMK-11 di mana FPR meluaskan jaringan pembelajaran secara digital dan atas talian bagi memudahkan proses P&P. FPR komited bagi menambah bilangan MOOC dan juga menambahbaik CSL bagi pembelajaran secara simulasi.

Perancangan strategik FPR juga adalah selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang telah dibentangkan melalui Amanat Naib Canselor pada 26 Februari 2020. Terdapat tiga objektif pelan ini yang selari dengan pelan strategik FPR iaitu: 1) memperluas akses pendidikan tinggi

4) menyelaraskan pendanaan bertaraf dunia dan 5) menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global. Kesemua pelan strategik UiTM ini dapat dicapai melalui pelan strategik FPR yang ingin menambah bilangan program dan pelajar pascasiswazah dan memperkasa penyampaian P&P secara atas talian.

SENARAI BUKTI :

1. [Postgrad - PS.pdf](#)
2. [Akademik - PS.pdf](#)
3. [Akademik2 - PS.pdf](#)
4. [Akademik3 - PS.pdf](#)
5. [Postgrad2 - PS.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Antara aktiviti yang dicadangkan bagi mencapai pelan strategik berkaitan pasca siswazah ialah meningkatkan bilangan sitasi kakitangan akademik. Kejayaan kakitangan akademik dalam menerbitkan penerbitan diumumkan di dalam mesyuarat fakulti bagi memberi penarafan dan dorongan. Fakulti juga melantik beberapa orang pensyarah bagi mengetuai kumpulan penyelidikan bagi menambah bilangan geran dan penerbitan.

Bagi meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah yang GoT, pihak TDPG akan membuat pemantauan berkala setiap enam bulan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar. Pensyarah juga digalakkan menjadi penyelia atau penyelia bersama bagi kerja khusus pelajar sarjana kepakaran. Pelajar yang berjaya GoT juga akan diumumkan semasa mesyuarat fakulti dan penyelia akan mendapat sijil penghargaan. Bagi menarik lebih ramai pelajar pascasiswazah, fakulti menggalakkan pensyarah yang layak bagi memohon kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya atau Profesor. Barisan pensyarah yang mempunyai portfolio yang baik pasti akan meningkatkan minat bagi pelajar mendaftar untuk program pasca siswazah.

Pelan strategik akademik dan hal ehwal pelajar bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dan memastikan pelajar dapat mengaplikasikan matapelajaran asas semasa di tahun klinikal. Bagi mencapai matlamat ini, pihak TDA akan memantau pelajar yang lemah di dalam bidang akademik dengan meneliti keputusan peperiksaan mereka. Pelajar ini akan diberi kelas khas dan bimbingan dalam subjek yang sukar bagi mereka. Program elektif pada tahun kedua dan ketiga merupakan salah satu cara bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Mereka perlu membuat penyelidikan di dalam dan luar negara dan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri mereka.

Fakulti juga menyediakan peluang bagi pelajar untuk membuat pengucapan awam melalui program seperti MicroTedX di mana pelajar bebas memberi pengucapan awam berdasarkan tajuk pilihan mereka. Pelajar juga digalakkan menyertai persatuan dan aktiviti ko-kurikulum lain dan mereka juga mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti seperti kuiz dan program kemasyarakatan.

Pelaksanaan dan pencapaian telah dipantau oleh pihak pengurusan atasan dengan melantik Penyelaras Perancangan Maklumat Strategik (PPMS) atau dikenali sebagai Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (2020). Pemantauan dilakukan setiap sukuan tahun pada 2019 dan bulanan pada 2020. Data pencapaian diekstrak dari pangkalan data dan rekod, dianalisa dan dibentangkan kepada pihak pengurusan menggunakan platform MPF dan mesyuarat fakulti. Data yang diperlukan pula didaftarkan ke dalam sistem pengumpulan data rasmi universiti melalui sistem uepmo.

SENARAI BUKTI:

1. [Fac meeting - publication.pdf](#)
2. [PG Monitoring email.pdf](#)
3. [JKAPS 092020.pdf](#)
4. [GOT Cert.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi pelan strategik pascasiswazah dan pembangunan professional, risiko adalah pelajar sarjana dan kedoktoran berkemungkinan tidak berjaya menamatkan kursus dalam tempoh yang ditetapkan dan seterusnya mengurangkan bilangan pelajar yang GoT. Terdapat beberapa sebab mengapa mereka tidak dapat GoT seperti masalah dengan ujikaji dan eksperimen, masalah dengan penyelia, masalah peribadi dan sebagainya. IMMB merupakan tempat utama bagi pelajar sarjana dan kedoktoran secara penyelidikan menjalankan uji kaji dan eksperimen mereka. Di IMMB, terdapat pelbagai alatan makmal yang berteknologi tinggi yang perlu dikalibrasi dengan teliti. Terdapat risiko yang alatan ini mungkin akan mengalami kerosakan dan akan menjejaskan penyelidikan pelajar. Bagi pensyarah, mereka memerlukan geran penyelidikan bagi menambah bilangan pelajar pascasiswazah secara penyelidikan. Tetapi, agak sukar bagi pensyarah mendapat geran kerana persaingan yang kompetitif dari universiti-universiti lain.

Pada permulaan pandemik Covid-19, pelajar pasca siswazah secara penyelidikan turut terjejas kerana mereka tidak dibenarkan menjalankan penyelidikan mereka di makmal kerana menurut SOP semasa PKP. Setelah perbincangan diadakan, mereka dibenarkan kembali semula ke makmal dengan mengamalkan SOP yang ketat. Ini adalah salah satu risiko yang perlu dihadapi oleh pelajar pasca siswazah semasa Covid-19 yang mengganggu P&P mereka.

Pelan strategi yang seterusnya adalah bagi akademik dan hal ehwal pelajar. Risiko pelajar gagal dalam peperiksaan akhir adalah merupakan salah satu risiko yang perlu ditangani seawal mungkin. Ini dapat ditangani dengan mengenal pasti pelajar yang lemah dan memberi bimbingan yang sewajarnya. Risiko seterusnya datang dari pelajar yang menjalani program elektif di luar negara. Risiko ini adalah seperti menyewa tempat kediaman yang selamat, perjalanan pergi dan balik ke tempat elektif dan menjalankan penyelidikan. Pelajar di tahun klinikal juga mempunyai risiko untuk tidak mengaplikasikan ilmu sains asas yang telah mereka pelajari.

Segala bentuk P&P telah terganggu semasa pandemik Covid-19 dan ini telah memaksa FPR menjalankan semua P&P secara atas talian. Tetapi terdapat pelajar yang tidak mempunyai kemudahan jalur lebar yang memuaskan. Ini pasti menimbulkan risiko penyampaian ilmu yang tidak seimbang dan mereka juga berisiko untuk keciciran dalam P&P.

Seperti yang dinyatakan di dalam K1, risiko-risiko dikenal pasti dan dicegah secara menyeluruh dengan memastikan setiap jabatan di fakulti mendaftarkan risiko dan pelan pencegahan ke dalam daftar risiko yang diselaraskan oleh Penyelaras Risiko fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [Elektif - Kelulusan Kebenaran Keluar Negara Bagi Kursus Elektif - Russia, Saudi Arabia, Germany.pdf](#)
2. [Laporan kerosakan peralatan IMMB.pdf](#)
3. [Email student poor internet.pdf](#)
4. [Email Sally.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan maklumat daftar risiko yang ada, pihak pengurusan telah merancang tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan seperti yang dinyatakan di bawah bagi memastikan objektif dan perancangan strategik dapat berlaku seperti yang dirancangan.

Risiko pertama yang dibincangkan dalam pelan strategik pascasiswazah dan pembangunan profesional ialah bilangan pelajar pasca siswazah yang GoT. Bagi memastikan bilangan pelajar GoT adalah memuaskan, pemantauan dilakukan secara berkala. Pelajar pascasiswazah juga akan bermesyuarat dengan koordinator program pascasiswazah setiap enam bulan bagi memastikan pelajar di landasan yang betul. Pelajar yang GoT juga akan diberikan insentif dari segi kewangan oleh fakulti. Fakulti juga mencadangkan supaya yuran pengajian dinaikkan jika pelajar melebihi tempoh masa yang ditetapkan.

Risiko seterusnya ialah berlakunya kerosakan pada alatan di makmal IMMB. Bagi menangani masalah ini, alatan di IMMB adalah di bawah tanggungjawab pegawai sains yang akan membuat kalibrasi dan pemantauan secara berkala. Jika terdapat kerosakan, pelajar boleh membuat aduan kerosakan dan akan diambil tindakan oleh pihak IMMB. Bagi menangani risiko Covid-19, pihak IMMB telah mewujudkan SOP yang ketat bagi penggunaan makmal dan alatan. Segala tempahan penggunaan adalah secara atas talian dan hanya tiga slot dibuka di setiap makmal. Bagi risiko kurang geran penyelidikan, fakulti telah mengambil inisiatif mewujudkan kumpulan penyelidikan seperti *Team Research, Linkages and Research Consultancy* (TRANSCENT) yang merupakan platform bagi pensyarah klinikal dan pra-klinikal mengemukakan idea mereka.

Bagi pelan strategik akademik dan hal ehwal pelajar, risiko pelajar lemah yang berisiko tidak lulus peperiksaan dapat ditangani dengan bantuan dari mentor. Mentor akan mengenal pasti masalah yang pelajar hadapi. Bagi pelajar yang menjalankan program elektif di luar negara, penyelidikan yang dijalankan bersama institusi yang mempunyai MoU akan mengurangkan risiko mereka sewaktu di luar negara. Mereka akan diberikan tempat tinggal yang lebih dekat dan selamat. Risiko seterusnya ialah pelajar klinikal yang kurang mengaplikasi subjek pra-klinikal. Bagi menangani masalah ini, pihak fakulti telah melantik seorang pakar Pendidikan Perubatan dari universiti awam yang lain bagi membantu pihak FPR menyusun strategi.

Pelajar mempunyai risiko keciciran di dalam P&P terutamanya bagi pelajar yang tidak mempunyai kemudahan jalur lebar yang bagus. Bagi pelajar ini, mereka diberi pilihan untuk tinggal di kampus bagi menggunakan kemudahan jalur lebar di kolej kediaman yang lebih stabil.

SENARAI BUKTI :

1. [PG Monitoring email.pdf](#)
2. [Laporan kerosakan peralatan IMMB.pdf](#)
3. [ANALISIS DARI LAPORAN MENTOR BAGI PELAJAR GAGAL.pdf](#)
4. [Email Sally.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan amalan bagi memastikan objektif dan strategi fakulti dapat dijayakan bermula dengan memastikan warga FPR menghadiri taklimat Amanat Naib Canselor sebagai langkah memastikan semua warga mendapat maklumat yang jelas mengenai hala tuju universiti. Bagi yang tidak dapat mengikuti amanat ini secara langsung, mereka akan diberikan rakaman taklimat dan juga nota dari taklimat tersebut oleh pihak pengurusan.

Di peringkat fakulti pula, kesemua pelan strategik yang dirancang semasa bengkel disampaikan kepada ketua-ketua jabatan. Ketua jabatan pula akan menyampaikan maklumat tersebut kepada ahli-ahli jabatan. Semasa perbincangan bersama ahli jabatan, ketua jabatan akan turut merangka pelan strategik bagi setiap jabatan bagi mencapai sasaran pelan strategik fakulti. Seseengah pelan strategik juga dimaklumkan semasa mesyuarat fakulti.

Pada tahun 2019, pihak pengurusan atasan telah meluluskan penyertaan inovasi kaedah pengendalian data pencapaian petunjuk prestasi berkaitan perancangan strategik untuk disertai ke konvensyen kecemerlangan operasi yang di anjurkan oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (INQKA) UiTM. Meskipun tidak memenangi sebarang anugerah, ianya merupakan usaha fakulti dalam menyebarkan inovasi yang diharap dapat dikongsi bersama PTJ lain di UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [Strategic Database OE Project 2019.pdf](#)
2. [Fac meeting - publication.pdf](#)
3. [CRW Physio Surat Permohonan Kelulusan VC untuk Bengkel Phy CRW.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan di fakulti bagi bidang tumpuan ini ialah pelajar sarjana muda dan juga pelajar pascasiswazah. Bagi sarjana muda, pelajar perlu melengkapkan lima tahun pengajian di mana setiap tahun pengajian mempunyai metodologi yang berbeza. Bagi memastikan fakulti mendapat pelajar yang mempunyai kelayakan akademik dan kemahiran insaniah yang tinggi, fakulti telah memulakan pengambilan pelajar secara temuduga bermula untuk pelajar sesi September 2019. Bagi menambah bilangan doktor pakar yang diperlukan oleh negara, fakulti telah berusaha untuk menambah bilangan pelajar sarjana kepakaran dan berharap bilangan ini akan bertambah dengan pembukaan Hospital Pengajar UiTM di Puncak Alam nanti.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh pihak fakulti bagi pemantapan P&P dengan pelajar sebagai fokus utama. Penggalakan pembentukan kursus MOOC dikalangan pensyarah, penambahbaikan CSL bagi memberi dimensi baru terhadap P&P secara simulasi dan sebagainya adalah antara contoh inisiatif ini. Hasil dari kurikulum yang berfokus kepada pelajar, fakulti telah berjaya menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berjaya memenangi pelbagai anugerah. Pelajar yang cemerlang juga perlu didedahkan dengan pelbagai aspek lain yang boleh membentuk kemahiran insaniah mereka dan ini boleh dicapai dengan penglibatan di dalam program ko-kurikulum. Fakulti juga komited bagi memastikan P&P berjalan dengan lancar sewaktu pandemik Covid-19.

Fokus fakulti bukan sahaja hanya kepada kejayaan akademik, tetapi juga untuk kesihatan fizikal dan mental pelajar. Fakulti turut membuka ruang bagi pelajar menyalurkan sebarang aduan dan maklumbalas bagi tindakan selanjutnya oleh pihak fakulti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi bidang tumpuan yang dipilih iaitu pengajaran dan pembelajaran, kategori pelanggan yang terlibat adalah pelanggan dalaman (Rujuk Profil Jabatan) iaitu kakitangan dan pelajar di FPR. Bagi bidang tumpuan ini kakitangan akademik dan pelajar akan diberikan penekanan dalam penerangan. Oleh kerana bagi Bab K5 menjelaskan berkaitan sumber manusia, bab ini akan menjelaskan mengenai tumpuan kepada pelajar sebagai pelanggan bagi pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, pelajar sarjana muda dan juga pelajar pascasiswazah adalah merupakan kumpulan sasar yang dikenalpasti.

Pelajar sarjana muda terdiri dari pelajar tahun 1 sehingga tahun 5 di mana tahun 1 dan 2 merupakan tahun pra-klinikal dan tahun 3,4 dan 5 adalah tahun klinikal. Bagi memastikan pemilihan pelajar mengikut piawai yang dikehendaki dan memiliki kemahiran insaniah yang tinggi, FPR telah bersetuju melakukan pemilihan pelajar melalui temuduga. Mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia, FPR telah menjalankan kajian yang mendalam bagi melakukan temuduga calon yang ingin mendaftar. FPR di UiTM juga merupakan satu-satunya universiti awam di Malaysia yang belum mempraktikkan kaedah temuduga bagi kemasukan pelajar. Di samping kelayakan akademik, pelajar juga perlu lulus temuduga bagi sesi kemasukan pelajar bermula pada September 2019. Proses temuduga yang telah dipersetujui adalah melalui kaedah *Multiple Mini Interviews* (MMI).

Jumlah pelajar yang mendaftar untuk tahun pertama pengajian bagi sesi 2018/2019 adalah 232 orang dan untuk sesi 2019/2020 ialah 239 orang. Bilangan pelajar yang mendaftar masuk di FPR UiTM adalah lebih tinggi berbanding universiti awam yang lain. Bilangan keseluruhan pelajar pada permulaan sesi 2019/2020 ialah 1,119 orang, satu peningkatan ketara dari pengambilan pertama seramai 20 orang sahaja. Sehingga kini, FPR telah berjaya melahirkan seramai 2,095 orang graduan doktor perubatan yang berkhidmat di seluruh negara. Hampir kesemua graduan ijazah sarjana telah berjaya mendapat penempatan kerja selepas tamat pengajian. Bagi memastikan graduan yang terhasil adalah berkualiti, FPR telah membuat perancangan dari segi kurikulum dan penyampaian pengajaran yang berkesan dan menggunakan teknologi yang terkini. Bagi menangani impak Covid-19, FPR telah menyusun semula CSL bagi memberi pembelajaran secara simulasi dan sendiri di bawah bimbingan pensyarah.

Kumpulan sasar kedua ialah pelajar pascasiswazah. Di FPR, terdapat tiga kumpulan pelajar pascasiswazah iaitu pelajar sarjana, kedokteran (kedua-dua ini adalah secara penyelidikan) dan sarjana kepakaran. Pelajar sarjana kepakaran ini adalah doktor yang mengambil kepakaran bagi menjadi doktor pakar dan sarjana kepakaran yang mengambil masa empat tahun ini adalah setara dengan ijazah kedokteran. FPR telah berjaya menghasilkan sebanyak 86 orang graduan sarjana, 34 orang graduan kedokteran dan 98 orang doktor pakar. Bilangan pelajar yang mendaftar juga bertambah setiap tahun selari dengan penambahan bilangan program sarjana kepakaran yang ditawarkan di FPR. FPR telah menyediakan fasiliti lengkap bagi tujuan penyelidikan. Bagi pelajar sarjana kepakaran pula, mereka akan ditempatkan di hospital-hospital atau klinik-klinik di Lembah Klang dengan diselia oleh pensyarah FPR. Pembukaan Hospital Pengajar UiTM di Puncak Alam pada 2021 akan memberi ruang pada pelajar sarjana kepakaran ini untuk mendapatkan tunjuk ajar di dalam kampus. Ini juga akan membuka ruang bagi penambahan bilangan program sarjana kepakaran di FPR. Pada sesi 2019/2020, terdapat seramai 198 pelajar pascasiswazah yang aktif di FPR.

SENARAI BUKTI:

1. [Berkas Kerja Sedangkan FEMODECA/REHABISIKASI REHABISIKASI \(061711\).pdf](#)
2. [BILANGAN PELAJAR PG.pdf](#)
3. [BILANGAN PELAJAR SESI AKADEMIK 2019-2020.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi pelajar sarjana muda, urusan melapor diri adalah secara atas talian dan ini telah diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Bahagian Pengambilan Pelajar di Shah Alam. Pelajar pascasiswazah pula akan melapor diri terus kepada IPSIS secara atas talian.

Data pelajar boleh diakses melalui sistem SIMS UiTM, di mana maklumat peribadi pelajar disimpan secara atas talian. Maklumat dalam SIMS boleh diakses oleh pihak TDA dan pensyarah seperti markah peperiksaan, penangguhan semester dan sebagainya. Maklumat akademik seperti markah PBL (*Problem-Based Learning*), markah PPD (*Personal and Professional Development*) dan sebagainya disimpan oleh pihak TDA. Markah komponen peperiksaan seperti *Multiple Choice Question* (MCQ) dan sebagainya perlu diisi oleh pensyarah yang menjadi pemeriksa. Sebelum ini, markah ini akan dimasukkan secara manual ke dalam lembaran *Excel* di komputer pejabat akademik sahaja. Tetapi pihak TDA bersama pihak IT FPR telah mengambil inisiatif untuk membangunkan satu pangkalan data di mana kemasukan komponen markah ini adalah secara atas talian menggunakan pangkalan *Centralized Examination Results* (CERTS) dan boleh diakses oleh mana-mana komputer yang terletak di kampus.

Maklumat pelajar juga merupakan satu komponen penting semasa jawatankuasa *Root Cause Analysis* (RCA) menulis laporan tentang punca peningkatan peratusan pelajar gagal peperiksaan tahun pertama. Ahli jawatankuasa RCA membuat tinjauan ke atas pelajar dan juga pensyarah bagi mendapatkan data laporan ini. Pelajar diminta untuk mengisi tinjauan secara atas talian dan maklumbalas ini disimpan oleh pihak TDA.

Di CSL, pembelajaran secara simulasi memerlukan pelajar menempah sesi yang mereka inginkan secara atas talian. Maklumat yang diperolehi dari tempahan ini digunakan bagi membantu pihak CSL membuat bancian penggunaan *Focus Skill Station* (FSS) dan *Bedside Teaching* (BST). Bancian ini berfungsi bagi proses kalibrasi dan penggunaan bahan pakai buang seperti sarung tangan getah dan sebagainya.

Pihak fakulti juga sedang mempergiatkan bilangan MOOC di kalangan pensyarah. Terdapat beberapa MOOC yang boleh digunapakai oleh pelajar, tetapi ianya bukanlah medium P&P yang utama. Di FPR, MOOC merupakan kursus tambahan bagi pelajar yang ingin mempelajari dengan lebih lanjut mengenai sesuatu topik. Maklum balas pelajar mengenai kursus MOOC yang sedia ada dapat memberi galakan kepada pensyarah lain untuk membangunkan MOOC.

Pelajar juga disarankan melibatkan diri dalam bidang ko-kurikulum bagi membentuk kemahiran insaniah mereka. Di bawah TDHEA, pelajar telah mewujudkan beberapa persatuan yang mempunyai objektif yang berbeza seperti HARMONI yang menjurus kepada kesukarelawan dan MESTA yang lebih menjurus kepada penganjuran aktiviti ilmiah dan kemasyarakatan.

Bagi pelajar pascasiswazah, maklumat tentang pelajar sarjana kepakaran adalah penting bagi memastikan unjuran doktor pakar oleh KKM dapat dikemaskini. Di IMMB, maklumat penggunaan alatan makmal oleh pelajar penting bagi memastikan alatan dapat dikalibrasi selepas beberapa kali penggunaan. Pelajar pascasiswazah di IMMB juga diminta untuk

melaporkan sebarang aktiviti seperti penyertaan pertandingan, mengadiri persidangan dan sebagainya kepada kakitangan IMMB. Maklumat ini kemudiannya akan diterbitkan di dalam *IMMBNewsletter* dan dikongsi bersama seluruh warga FPR bagi memberi dorongan kepada pelajar lain.

SENARAI BUKTI :

1. [JAF - CERTS.pdf](#)
2. [RCA Questionnaire.pdf](#)
3. [MOOC list updated 12-2020.pdf](#)
4. [IMMB - Daftar masuk keluar dan sistem tempahan IMMB.pdf](#)
5. [IMMB Newsletter.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Maklumbalas SUFO yang dijalankan ke atas pelajar sarjana muda telah dikongsi oleh pihak TDA bersama dengan ketua-ketua jabatan. Pelajar akan memberi komen yang membina tentang metodologi P&P yang telah dijalankan. Maklumbalas ini akan diteliti oleh ahli jabatan dan mereka akan mengambil tindakan susulan bagi menangani maklumbalas ini.

Bagi pelajar, pemantauan kejayaan akademik adalah dengan meneliti keputusan peperiksaan. Pelajar yang mendapat markah peperiksaan yang baik dan konsisten sepanjang tahun akan mendapat pengiktirafan seperti Anugerah Dekan. Khas untuk pelajar klinikal, mereka yang cemerlang dalam sesuatu posting akan berjaya mendapat *Book Prize* dalam posting tersebut dan kejayaan ini akan diumumkan semasa pengumuman keputusan peperiksaan klinikal akhir.

Hasil daripada MoU fakulti bersama institusi luar, pihak FPR telah berjaya menghantar pelajar yang mengikuti program elektif ke luar negara seperti ke Universiti Volgograd di Russia dan Bernhard Nocht Institute for Tropical Medicine yang terletak di Hamburg, Jerman. Pendedahan awal kepada penyelidikan boleh memupuk minat kepada penyelidikan di masa hadapan.

Bagi pelajar pascasiswazah, pemantauan kejayaan program boleh dilihat dari bilangan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian sama ada GoT atau tidak. Pelajar pascasiswazah juga telah menyertai pelbagai persidangan dan membentangkan kertas kerja mereka sama ada di dalam atau di luar negara. Mereka juga telah mendapat pelbagai anugerah seperti *travel grant* dan anugerah inovasi.

SENARAI BUKTI:

1. [2018-2019 SuFO Y1 SEM2 Survey Reports_PHY.pdf](#)
2. [Minutes Physio SUFO 03052019.pdf](#)
3. [CONTOH SIJIL AD PRO PRE CLINICAL 2018-2019.pdf](#)
4. [CONTOH Sijil Distinction & Book Prize 2018-2019.pdf](#)
5. [PG - DATA ANUGERAH & PENGHARGAAN.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi pelajar sarjana muda, masalah P&P secara atas talian semasa pandemik Covid-19 memberikan risiko keciciran bagi pelajar yang tidak mempunyai akses yang baik kepada internet. Bagi pelajar klinikal, mereka tidak boleh ke hospital atau klinik kerana risiko jangkitan. Pihak fakulti terpaksa mencari jalan penyelesaian bagi masalah ini. Masalah yang sama turut dihadapi oleh pelajar pascasiswazah di mana masa mereka untuk berada di makmal terpaksa dihadkan.

Pelajar juga turut mempunyai saluran bagi aduan berkaitan masalah akademik dan juga masalah berkaitan infrastruktur. Bagi masalah berkaitan infrastruktur, pelajar boleh mengemukakan masalah mereka melalui laman e-aduan UiTM. Bagi isu berkaitan akademik, pelajar boleh mengemukakan aduan atau cadangan mereka kepada mentor, koordinator akademik, pensyarah dan pihak TDA dan TDPG melalui pelbagai saluran seperti borang aduan, lisan, e-mail dan sebagainya. Aduan dari pelajar akan dibincangkan dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Bagi pelajar yang mengalami masalah kesihatan, mereka boleh pergi ke Klinik Perubatan Primer yang terletak di Kampus Sungai Buloh dan juga Kampus Selayang. Di sini, mereka akan mendapat rawatan yang sesuai. Jika pelajar memerlukan rujukan pakar, mereka akan dirujuk kepada pakar yang bertugas di PPPUiTM dan akan diberi temujanji atau akan dilihat segera mengikut tahap kesakitan yang pelajar alami.

Di IMMB, segala aduan berkenaan kerosakan alatan akan disampaikan kepada pegawai sains yang bertanggungjawab melalui perbincangan di dalam aplikasi *whatsapp*. Aduan ini akan diambil tindakan yang sewajarnya.

SENARAI BUKTI :

1. [Daftar risiko.pdf](#)
2. [MPK - MEDIC aduan pelajar-pensyarah.pdf](#)
3. [BORANG ADUAN PENSYARAH-STAF SOKONGAN.pdf](#)

3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi membantu pelajar yang terkesan akibat kesukaran mendapatkan jaringan internet yang baik bagi P&P, pihak fakulti mempertimbangkan permohonan pelajar ini untuk kembali ke kolej kediaman bagi memudahkan P&P. Bagi pelajar klinikal pula, P&P mereka telah diperkuatkan dengan penggunaan CSL di mana terdapat FSS bagi mereka berlatih prosedur penting seperti mengambil tekanan darah dan memasang elektrod ECG. Di CSL juga terdapat wad simulasi di mana fakulti telah merekrut pesakit simulasi bagi membantu pelajar dalam BST. Bagi pelajar pascasiswazah, kebenaran melakukan penyelidikan di makmal perlu mengikut SOP yang ketat.

Bagi meningkatkan P&P secara atas talian, pihak fakulti menggalakkan pensyarah membangunkan MOOC. Walaupun MOOC tidak dapat menggantikan kandungan P&P yang sedia ada, ianya sedikit sebanyak dapat membantu pelajar memahami sesuatu topik. Kurikulum di FPR yang mementingkan latihan secara praktikal dan integrasi antara subjek menjadikan sesetengah topik agak sukar bagi dijadikan kursus MOOC.

SENARAI BUKTI :

1. [MOOC list updated 12-2020.pdf](#)
2. [Email Sally.pdf](#)
3. [Gambar CSL.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tumpuan kepada pelajar di dalam menjayakan P&P telah menjadi budaya di fakulti. Kesemua usaha oleh pihak akademik akan dimaklumkan kepada koordinator tahun, ketua jabatan dan seterusnya warga fakulti yang lain melalui pelagai cara antaranya semasa mesyuarat fakulti.

Bagi memilih pelajar yang memenuhi kriteria pelajar abad ke-21, fakulti telah bersetuju menjalankan temuduga secara MMI bagi memilih pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi.

Bagi membantu pensyarah dalam memasukkan markah komponen peperiksaan, pihak TDA bersama-sama dengan pihak IT telah membangunkan sistem CERtS yang mana markah komponen peperiksaan boleh dimasukkan secara dalam talian melalui mana-mana komputer di kampus. Ini mempercepatkan usaha pemarkahan dan mengurangkan kesilapan.

Tumpuan fakulti ke arah pembangunan P&P juga mendapat perhatian dari institusi luar negara. Pada 27 dan 28 Ogos 2019, fakulti telah menerima kunjungan dari Kementerian Kesihatan Bangladesh. Delegasi ini telah melakukan lawatan ke kampus dan PPPUiTM. Di samping itu, delegasi ini turut menghadiri seminar dan sesi perbincangan bersama ahli Jabatan Kesihatan Awam dan Jabatan Kesihatan Primer. Semasa seminar berlangsung, delegasi dan pensyarah yang terlibat telah bertukar-tukar pandangan terutama di dalam strategi menangani penyakit tidak berjangkit.

Penambahbaikan DOME dan CSL telah banyak membantu pelajar dalam P&P apabila pelajar tidak boleh lagi ke hospital dan klinik. Pelbagai inovasi telah dijalankan di CSL seperti menyiapkan FSS, simulasi wad bagi BST, pembangunan sistem VR bagi pembelajaran dan sebagainya. Bagi penggunaan FSS, pelajar perlu menempah secara atas talian. Pelajar perlu hadir pada masa tempahan dan melakukan prosedur di FSS. Pelajar juga boleh membuat penilaian sendiri di bawah seliaan pensyarah. Pelajar yang berjaya melengkapkan FSS akan diberi sijil digital yang boleh digunakan bagi membina portfolio mereka.

SENARAI BUKTI :

1. [Fac meeting - publication.pdf](#)
2. [MMI - Kertas kerja cadangan TEMUDUGA kemasukan ke MBBS240 \(SENAT\).pdf](#)
3. [JAF - CERTS.pdf](#)
4. [NCD Bangladesh-1.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Salah satu kejayaan fakulti dalam bidang P&P dapat dilihat melalui kejayaan fakulti mencapai KPI yang berkaitan dengan P&P. Untuk tahun 2019, fakulti telah berjaya mencapai sasaran yang memuaskan bagi KPI yang berkaitan dengan P&P kecuali terhadap dua KPI sahaja yang kurang mencapai sasaran yang memuaskan. Bagi memastikan KPI ini dapat dicapai pada tahun yang seterusnya, beberapa pelan strategik telah dirangka bagi memastikan KPI ini akan tercapai.

Kejayaan fakulti juga boleh dilihat dari kejayaan pelajar yang lulus dalam peperiksaan akhir, sama ada dalam tahun pra-klinikal atau klinikal dan juga kejayaan pelajar mendapat anugerah dan pembentangan pada persidangan. Bagi memastikan pelajar lulus terutama pada peperiksaan akhir profesional, pihak fakulti akan sentiasa memantau keputusan peperiksaan. Pihak fakulti akan melantik jawatankuasa bagi mencari punca kelemahan pelajar dan dapatan dari kajian ini akan dikongsikan bersama dengan warga fakulti bagi tindakan selanjutnya.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi pengukuran kejayaan bidang tumpuan iaitu P&P, beberapa pencapaian petunjuk prestasi - *Performance Index* (PI) fakulti telah dirujuk.

Pada 2019, fakulti mempunyai 53 PI bersasar yang merangkumi pelbagai bidang termasuk P&P. Bagi pencapaian PI ini, fakulti telah membahagikan kejayaan ini berdasarkan kategori pencapaian skor peratus fakulti iaitu: kategori 1 (hijau); pencapaian 95-100%, kategori 2 (biru); pencapaian 75-94%, kategori 3 (kuning); pencapaian 50-74% dan kategori 4 (merah); pencapaian kurang 50%. Berikut merupakan pencapaian KPI yang berkisar kepada P&P:

KPI

Sasaran

Pencapaian (% pencapaian)

Bilangan kursus dalam Massive Open Online Course (MOOC)

2

13 (650%)

Bilangan MoU/MoA dengan universiti antarabangsa

2

6 (300%)

Bilangan mahasiswa yang terlibat dengan program mobiliti ke universiti luar negara

10

30 (300%)

Bilangan staf akademik yang mendapat pengiktirafan badan-badan profesional tempatan atau antarabangsa

93

208 (224%)

Bilangan mahasiswa yang terlibat dengan program kolaborasi bersama industri

40

82 (205%)

Bilangan graduan Sarjana

17

26 (153%)

Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa terlibat dalam aktiviti pendedahan/ pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum.

820

1107 (135%)

Bilangan pelajar yang berdaftar dalam Massive Open Online Course (MOOC)

1500

1712 (114%)

Bilangan kursus dalam Mod Blended Learning

12

13 (108%)

Indeks kepuasan graduan terhadap bimbingan kerjaya

3.86

3.94 (102%)

Indeks kepuasan graduan terhadap kurikulum akademik

4.3

4.33 (101%)

Indeks kepuasan graduan terhadap sistem penilaian

4.4

4.39 (100%)

Bilangan program yang mendapat pengiktirafan badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa.

1

1 (100%)

Bilangan graduan PhD dan setaraf

4

4 (100%)

Indeks kepuasan graduan terhadap prasarana universiti

4.31

4.23 (98%)

Indeks kepuasan graduan terhadap tenaga pengajar

4.64

4.51 (97%)

Jumlah enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf

40

38 (95%)

Jumlah pengambilan pelajar sepenuh masa

350

282 (81%)

Jumlah pengambilan pelajar PhD dan setaraf

14

8 (57%)

Bilangan program baharu yang ditawarkan di peringkat pascasiswazah.

4

1 (25%)

Jadual di atas menunjukkan bahawa fakulti telah berjaya mencapai hampir kesemua KPI yang berkisar kepada P&P. Tetapi bagi 2019, terdapat dua KPI yang berkaitan P&P yang tidak mencapai peratusan yang diinginkan. Fakulti menyasarkan pengambilan seramai 14 orang pelajar kedoktoran atau yang setaraf (sarjana kepakaran), tetapi hanya berjaya mengambil seramai 8 orang pelajar sahaja. Ini mungkin kerana kesukaran mendapatkan geran bagi membiayai penyelidikan pelajar pascasiswazah. Fakulti turut menyasarkan sebanyak empat program pascasiswazah baru untuk ditawarkan pada 2019, tetapi hanya satu program berjaya ditawarkan. Ini kerana ada program pascasiswazah yang telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU) tetapi masih lagi di dalam penilaian MQA. Program-program ini hanya akan dapat ditawarkan pada tahun yang berikutnya.

Di peringkat fakulti, seperti yang dinyatakan dalam Bab K1, pada tahun 2019 PPMS mengekstrak data pencapaian secara setiap sukuan manakala pada tahun 2020 data diekstrak secara bulanan. Data-data ini disimpan di Unit Kualiti di bawah seliaan Ketua Unit Kualiti. Di peringkat jabatan, data di kumpul secara bulanan dan rekod disimpan di jabatan masing-masing di bawah seliaan ketua jabatan. Sejak 2018, salah satu contoh aliran proses pengumpulan data dilampirkan di bahagian bukti.

SENARAI BUKTI:

1. [SOP CSPI data collection approved 26.10.2018.pdf](#)
2. [Akademik - PS.pdf](#)
3. [Akademik2 - PS.pdf](#)
4. [Akademik3 - PS.pdf](#)
5. [Postgrad - PS.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di samping kejayaan mencapai PI yang ditetapkan, kejayaan dalam bidang P&P juga boleh dilihat dari kejayaan pelajar sarjana muda dan pasca siswazah.

Bagi pelajar sarjana, ini dapat dilihat dari keputusan peperiksaan profesional akhir pada tahun kelima pengajian. Setelah pelajar lulus peperiksaan ini, mereka akan bergelar doktor dan bagi pelajar yang tidak lulus, mereka akan diberi tempoh pemulihan (*remedial*) di mana mereka akan menghadiri kelas secara intensif. Selepas tempoh *remedial* tamat, mereka akan mengambil kembali peperiksaan akhir profesional tambahan (*supplementary professional exam*). Jika lulus, mereka akan tamat pengajian, jika gagal mereka perlu mengulang tahun pengajian. Untuk sesi 2018/2019, seramai 172 orang murid telah menduduki peperiksaan profesional akhir dan 87.79% pelajar telah lulus dan 12.21% pelajar gagal. Dari 22 orang pelajar yang gagal, 81.8% lulus peperiksaan akhir profesional tambahan dan 18.2% atau 4 orang pelajar terpaksa mengulang tahun pengajian. Bagi sesi 2019/2020 pula, 99.07% pelajar lulus dan 0.93% gagal dan terpaksa menghadiri kelas *remedial*. Pelajar yang cemerlang juga akan dianugerahkan *Book Prize Award* dalam disiplin klinikal seperti *Paediatrics, Medicine* dan sebagainya.

Bagi pelajar pascasiswazah, terdapat 12 orang pelajar yang berjaya GoT pada 2019 dan jumlah ini meningkat kepada 26 orang pada 2020. Peningkatan pelajar GoT ini mungkin disebabkan oleh inisiatif yang telah diambil oleh pihak fakulti. Pensyarah yang menjadi penyelia utama dan penyelia bersama juga akan diberi penghargaan oleh pihak fakulti.

Kebanyakan pelajar sarjana muda di fakulti juga telah berjaya mendapat pinjaman bagi pembiayaan pengajian seperti dari MARA dan PTPTN. Bagi pelajar pasca siswazah pula, majoriti mendapat Hadiah Latihan Persekutuan (KKM); ini adalah bagi mereka yang berada di dalam program sarjana kepakaran. Ada juga yang mendapat biasiswa KPT-SLAB dan pembiayaan dari geran penyelidikan.

Pelajar pascasiswazah turut mendapat pelbagai anugerah bagi inovasi dan ketika membentangkan hasil penyelidikan mereka di persidangan peringkat dalam dan luar negara. Terdapat 41 anugerah dan penghargaan berjaya diraih oleh pelajar pascasiswazah seperti *Young Investigator Award, Travel Grant Award* bagi pembentangan oral dan sebagainya. Mereka juga telah menghasilkan jurnal dan telah berjaya diterbitkan di jurnal.

SENARAI BUKTI :

1. [MEDIC_result PRO-Clinical 2018.2019.pdf](#)
2. [Data GOT 2019 & 2020.pdf](#)
3. [DATA PENERBITAN PG.pdf](#)
4. [PG - DATA ANUGERAH & PENGHARGAAN.pdf](#)
5. [PRO CLINICAL BOOK PRIZE.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Berdasarkan pencapaian PI pada penghujung tahun 2019, pihak fakulti telah mengenal pasti beberapa inisiatif bagi meningkatkan peratusan PI dan ini telah menjadi teras bagi penghasilan pelan strategik pada 2020. Bagi PI yang telah mencapai sasaran, segala inisiatif yang telah dijalankan akan dikekalkan. Terdapat dua PI berkaitan P&P yang mempunyai peratusan kurang dari sasaran iaitu: 1) Jumlah pengambilan pelajar PhD dan setaraf dan 2) Bilangan program baharu yang ditawarkan di peringkat pasca siswazah.

Kedua-dua PI ini telah diberi penekanan melalui pelan strategik untuk pascasiswazah dan pembangunan profesional. Bagi meningkatkan jumlah pengambilan pelajar, pensyarah diminta untuk memohon lebih banyak geran penyelidikan dan mengiklankan geran yang mereka ada kepada pelajar yang berpotensi seperti melalui laman web fakulti. Penambahan bilangan program sarjana kepakaran baru dan pengoperasian Hospital Pengajar UiTM nanti juga akan meningkatkan pengambilan pelajar. Jabatan klinikal digalakkan untuk mempunyai program sarjana kepakaran mereka sendiri. Bagi menambah pengalaman pensyarah, mereka diminta menyertai *Conjoint Board Meeting and Examination* bagi bidang kepakaran masing-masing. Badan ini merupakan badan yang menguruskan mengenai peperiksaan yang perlu diseragamkan bagi semua sarjana kepakaran di universiti awam di Malaysia.

Bagi pelajar sarjana muda, pemantauan akademik dan hal ehwal pelajar telah dilakukan dengan melihat kepada keputusan peperiksaan dan penglibatan pelajar dalam bidang ko-kurikulum dan kemasyarakatan. Penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum pula telah dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka.

SENARAI BUKTI:

1. [Carta Organisasi Kelab dan Persatuan.pdf](#)
2. [Examiner postgrad.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam pemantauan kemajuan akademik, akan terdapat pelajar yang agak lemah dalam pelajaran. Pihak fakulti telah menganalisa keputusan peperiksaan pelajar pra-klinikal dan mendapati terdapat peratusan pelajar gagal yang agak tinggi bagi pelajar tahun satu (sesi 2019/2020) dan pelajar tahun dua (sesi 2018/2019). Bagi memastikan punca masalah ini berlaku, fakulti dan pihak TDA telah mewujudkan satu jawatankuasa khas. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pensyarah, kakitangan pentadbiran di pejabat akademik dan Jabatan Pendidikan Perubatan. Beberapa kaji selidik ke atas pelajar dan pensyarah telah dilakukan. Bagi pelajar, mereka perlu mengisi tinjauan ke atas data demografi, *Oxford Happiness Index* dan sebagainya. Data daripada tinjauan ini telah dianalisa oleh jawatankuasa dan akhirnya mereka telah merumuskan punca utama (*Root Cause Analysis*).

Peningkatan bilangan graduan pascasiswazah juga merupakan salah satu KPI bagi fakulti. Terdapat risiko bahawa jumlah pelajar yang tamat pengajian tidak mencapai sasaran yang diperlukan. Perjumpaan bersama pelajar akan diadakan secara berkala bagi mengenalpasti masalah yang mungkin dihadapi. Jika masalah ini datang dari kesukaran melakukan ujian kerana masalah alatan, pihak TDPG akan berhubung dengan pihak IMMB bagi mengelakkan perkara ini dari berlaku di masa hadapan.

Bagi PI penambahan bilangan program pasca siswazah, terdapat risiko bahawa bilangan program ini mungkin tidak akan mencapai sasaran. Bagi menangani masalah ini, pihak jabatan yang berkaitan akan mengadakan mesyuarat susulan bersama ahli jabatan bagi mengenal pasti kekurangan dan keperluan MQA yang belum lagi dipenuhi.

Kesemua risiko yang dinyatakan ini didaftarkan secara am oleh setiap jabatan terlibat ke dalam daftar risiko seperti yang dinyatakan dalam Bab K1.

SENARAI BUKTI :

1. [RCA Questionnaire.pdf](#)
2. [Email RCA.pdf](#)
3. [RCA report.pdf](#)
4. [Email invitation RCA.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi menganalisa punca pelajar pra-klinikal yang lemah, RCA telah dilakukan oleh pihak TDA. Penting bagi fakulti mengenalpasti pelajar yang lemah dan juga punca mengapa peratusan gagal lebih tinggi dari tahun-tahun sebelumnya. Setelah melakukan pelbagai tinjauan ke atas pelajar dan pensyarah, pihak jawatankuasa RCA telah membentangkan dapatan kajian dan cadangan juga telah kepada JAF. Setelah itu, laporan lengkap RCA telah dikongsi bersama semua pensyarah. Hasil dapatan kajian telah dijadikan panduan bagi menambahbaik proses P&P kumpulan pelajar yang akan datang.

Bagi meningkatkan bilangan pelajar pasca siswazah yang tamat pengajian dan juga GoT, insentif dari segi kewangan kepada pelajar dan sijil pengiktirafan kepada penyelia utama dan penyelia bersama telah diperkenalkan. Ini sedikit sebanyak dapat membantu meningkatkan motivasi pelajar. Bagi meningkatkan bilangan program pasca siswazah yang mempunyai akreditasi, fakulti telah melantik beberapa auditor dalaman bagi membantu persiapan dokumen yang diperlukan.

Selain itu juga, pada tahun 2020, semasa mesyuarat kaji semula (MKSP), pihak pengurusan atasan juga telah mencadangkan penambahbaikan penyataan objektif kualiti selepas mendapati hasil analisa pencapaian objektif kualiti bagi bidang tumpuan perlu lebih relevan dengan perkembangan fakulti dan universiti pada tahun 2020.

SENARAI BUKTI :

1. [Email RCA.pdf](#)
2. [Minit Mesyuarat MKSP BIL12020 petikan kom korporat 2020.pdf](#)
3. [Minit Mesyuarat MKSP BIL12020 completed 28.07.2021 petikan.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan atasan sentiasa menyampaikan maklumat berkaitan isu dan penambahbaikan sebarang urusan di fakulti secara berkala terutamanya semasa mesyuarat fakulti. Sebagai contoh, pencapaian PI fakulti telah dibentangkan kepada warga fakulti semasa mesyuarat fakulti. Setiap kali mesyuarat juga, ketua unit kualiti akan diberikan slot untuk membentangkan sebarang isu berkaitan sistem jaminan kualiti yang berkait rapat dengan tindakan penambahbaikan. Bagi perkongsian pencapaian PI ianya akan memberi maklumat kepada warga berkenaan PI yang berjaya dicapai. Bagi PI yang kurang mencapai sasaran, warga fakulti boleh digerakkan untuk bersama-sama berusaha bagi mencapai sasaran ini. Pencapaian PI juga dirancang untuk dibincangkan pada bengkel pelan strategik tahun hadapannya dan sebarang langkah bagi mencapai PI ini akan diterjemahkan kepada pelan strategik baru bagi tahun hadapannya. Sebagai contoh, PI pada akhir 2019 menunjukkan bahawa pengambilan pelajar pasca siswazah dan bilangan program pasca siswazah yang baru adalah kurang mencapai sasaran. Jadi pada bengkel pelan strategik 2020, kedua-dua KPI ini telah dibincangkan dan ahli kumpulan yang membincangkan PI ini telah bersetuju untuk memberi fokus dan inisiatif baru kepada PI ini. Seterusnya, inisiatif baru ini turut dikongsi bersama semua warga fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [Pembentangan Pencapaian 2020 Dekan Fakulti Perubatan.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada sumber manusia merupakan salah satu elemen penting bagi memastikan P&P berjaya. Bagi memastikan pelajar yang dihasilkan mempunyai kualiti siswazah abad ke-21, para pensyarah perlu mempunyai kelayakan akademik yang baik dan berkaitan dengan bidang yang diajar. Majoriti pensyarah di fakulti mempunyai kelayakan kedoktoran atau sarjana kepakaran yang setaraf dengan kedoktoran. Mereka perlu mengajar dan juga berkhidmat untuk melihat pesakit sama ada di fasiliti UiTM atau fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia di kawasan Lembah Klang.

Bagi memberi nilai tambah kepada tenaga pengajar, mereka digalakkan untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang tertinggi sama ada di peringkat kedoktoran atau sub-kepakaran. Para pensyarah juga digalakkan menyertai sebarang bengkel, kursus, latihan dan sebagainya bagi menambah ilmu. Selain itu, pensyarah di fakulti juga turut menjadi pensyarah jemputan di institusi lain, penceramah jemputan di persidangan, terlibat di dalam perkongsian ilmu perubatan di media seperti surat khabar dan televisyen. Dalam bidang penyelidikan, pensyarah di fakulti juga giat memohon geran penyelidikan, menghasilkan penerbitan dan juga memeterai MoU atau MoA bersama institusi luar dan juga industri.

Bagi memberi pengiktirafan ke atas kejayaan pensyarah, mereka yang cemerlang akan diberi APC, kejayaan mereka juga akan diumumkan dan dikongsi bersama warga fakulti yang lain. Fakulti juga membantu pensyarah untuk proses kenaikan pangkat.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan P&P dalam keadaan yang memuaskan, tenaga pengajar iaitu pensyarah juga perlulah berkualiti dan berpengetahuan tinggi dalam bidang mereka. Fakulti mempunyai 341 pensyarah pada penghujung tahun 2020. Majoriti pensyarah adalah pensyarah tetap di dalam skim DU dan selebihnya adalah kontrak atau dalam skim DM. Hampir kesemua pensyarah mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya sarjana di fakulti perubatan.

Pensyarah yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat kedoktoran atau sub-kepakaran adalah sangat digalakkan. Sebelum mereka memohon, ketua jabatan harus membuat unjuran pensyarah yang akan menyambung pelajaran dan mengemukakan nama mereka kepada pihak TDPG dan pensyarah perlu memohon mengikut langkah-langkah yang ditetapkan.

Bagi memastikan pensyarah mempunyai pengetahuan yang sentiasa mengikut perkembangan semasa, pensyarah akan mengikuti kursus, bengkel, seminar, persidangan dan sebagainya di dalam dan juga di luar negara. Bagi latihan atau kursus di ILD, pensyarah perlu mengisi borang latihan ILD secara atas talian dan ketua jabatan perlu memberi kelulusan. Bagi kursus atau persidangan oleh agensi luar, pensyarah perlu mengisi borang dan kemudiannya akan dibawa ke mesyuarat di peringkat fakulti bagi kelulusan. Pensyarah perlu melengkapkan sekurang-kurangnya 42 jam latihan dalam setahun.

Pensyarah juga perlu memenuhi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) atau dikenali sebagai MyATP yang meliputi komponen P&P, penyeliaan, penyelidikan dan sebagainya. Pensyarah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang akan dicalonkan bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Pada tahun 2019, fakulti telah menganugerahkan APC kepada 25 orang pensyarah dan jumlah ini meningkat kepada 33 orang pensyarah pada tahun 2020.

Fakulti juga telah menaiktaraf Unit Penyelidikan Perubatan kepada Jabatan Penyelidikan Perubatan (DOME) bagi membantu pelajar mendapat kemudahan kepada teknik terkini P&P secara seperti pembelajaran kemahiran klinikal menggunakan kaedah simulasi. Bukan itu sahaja, DOME turut memberi khidmat rakaman video dan pengeditan video bagi tujuan P&P. Ini memudahkan para pensyarah untuk menyediakan bahan kuliah atau bahan pengajaran bagi pelajar.

Bagi menjayakan P&P, tenaga kerja di pejabat TDA, TDPG, IMMB dan pentadbiran fakulti memainkan peranan yang amat penting. Mereka akan membantu pensyarah dalam menjalankan program berkaitan P&P. Kerjasama antara semua warga fakulti adalah penting bagi menjayakan P&P.

SENARAI BUKTI:

1. [2019 - KURSUS ANJURAN LUAR\(DALAM NEGERI\).pdf](#)
2. [MPK - PERMOHONAN MENYAMBUNG PENGAJIAN PHD DI LUAR UiTM.pdf](#)
3. [MPK-CARTA ALIRAN PERMOHONAN SUB KEPAKARAN.pdf](#)
4. [Senarai APC.pdf](#)
5. [CContoh kelayakan pensyarah.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pensyarah digalakkan untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka boleh menyambung pengajian ke peringkat PhD atau bagi yang memiliki sarjana kepakaran, mereka biasanya akan memilih untuk melanjutkan ke bidang sub-kepakaran. Kesemua permohonan ini akan dikumpulkan oleh pihak TDPG dan diuruskan dari segi kelengkapan borang sebelum dibawa ke Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) sebelum dipersetujui dan diluluskan.

Bagi meningkatkan pengalaman pensyarah, pihak fakulti juga menggalakkan pensyarah melibatkan diri dengan sebarang persidangan, pertandingan dan juga inovasi. Pensyarah fakulti juga telah memenangi pelbagai anugerah di dalam penyelidikan dan inovasi dari dalam dan juga luar negara. Bagi memantapkan jalinan usahasama dengan institusi luar, fakulti juga menggalakkan pensyarah untuk merintis MoU atau MoA. Bagi tempoh 2019 dan 2020, fakulti mempunyai kira-kira 80 MoU dan MoA yang aktif.

Pensyarah juga digalakkan menjadi pensyarah jemputan di institusi lain, penceramah di dalam persidangan, menulis artikel kesihatan dan tampil di media massa seperti di televisyen bagi berkongsi kepakaran. Semua ini akan menambahkan lagi pengalaman pensyarah dan membantu mereka di dalam proses P&P. Bagi membantu dalam program pasca siswazah pula, pensyarah digalakkan untuk menjadi pemeriksa bagi peperiksaan sarjana kepakaran dan mengambil bahagian dalam *Conjoint Board Meeting* bagi setiap bahagian kepakaran.

Fakulti juga sentiasa membantu pensyarah bagi urusan kenaikan pangkat. Bagi kenaikan pangkat terutamanya apabila pensyarah memilih trek P&P, maka syarat utama yang perlu dipenuhi adalah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam P&P. Ini secara tidak langsung memanfaatkan pelaksanaan P&P di fakulti yang seterusnya membantu pencapaian bidang tumpuan yang dipilih. Di samping itu juga, majoriti pensyarah yang mendapat kenaikan pangkat bagi tahun 2019 dan 2020 merupakan mereka yang memilih trek P&P.

Pelaksanaan proses-proses yang dinyatakan telah memastikan pensyarah menjadi aset penting dalam menjayakan bidang tumpuan yang dipilih. Sebagai contoh, dengan adanya pensyarah klinikal dengan sub-kepakaran kardiotorasik, jabatan perubatan telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan pihak IJN sehingga berjaya membangunkan program sarjana kedokteran klinikal yang seumpamanya di Malaysia.

SENARAI BUKTI :

1. [DATA PENSYARAH CUTI BELAJAR DAN SUBKEPAKARAN 2019 & 2020-.pdf](#)
2. [AWARD Pensyarah 2019.pdf](#)
3. [Dr Siti Norashikin Invitation Letter.pdf](#)
4. [Contoh speaker.pdf](#)
5. [MPK-CARTA ALIRAN PERMOHONAN SUB KEPAKARAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan persekitaran tempat kerja adalah kondusif dan boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti, warga fakulti bebas untuk menyalurkan sebarang aduan, cadangan dan maklumbalas kepada pihak fakulti. Mereka boleh menggunakan pelbagai medium seperti perjumpaan secara individu, surat, e-mail, panggilan telefon dan sebagainya. Segala aduan dan maklumbalas ini akan diteliti dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Bagi aduan berkenaan infrastruktur, warga fakulti boleh menggunakan sistem e-aduan secara atas talian. Bermula tahun November 2019 juga, pihak pengurusan atasan juga telah mengarahkan satu saluran aduan khas untuk staf diwujudkan menggunakan medium emel kepada Unit Kualiti sebagai tambahan kepada saluran sedia ada. Pada tahun 2019 juga, dekan selaku ketua PTJ juga melancarkan program *Coffee Talk with Dean* di mana Unit Kualiti telah menyelaras sesi-sesi berasingan untuk setiap jabatan berdialog bersama dekan bagi menyampaikan sebarang permasalahan atau isu di jabatan termasuklah secara bagi bidang tumpuan P&P. Di akhir sesi pula, borang maklum balas bertulis diberikan sebagai pensyarah bagi tujuan pengumpulan data untuk di analisa secara objektif. Maklumat yang diperolehi semasa *Coffee Talk* ini telah dibincangkan dalam MPF bagi merangka langkah penambahbaikan.

Seterusnya, pensyarah juga boleh mempunyai saluran aduan secara bertulis mengenai pelajar yang mereka anggap mempunyai masalah dalam bidang akademik ataupun perilaku. Aduan ini akan diserahkan kepada pihak TDA untuk tindakan yang selanjutnya. Pelajar juga boleh membuat sebarang aduan berkenaan pensyarah atau warga fakulti yang lain secara bertulis menggunakan borang aduan khas. Aduan ini lebih menjurus kepada penyampaian P&P dan profesionalisme warga fakulti. Manakala aduan berkenaan pelajar pasca siswazah pula adalah di bawah tanggungjawab pejabat TDPG.

FPR juga meneliti tahap kepuasan hati warga fakulti secara tidak langsung dengan menggunakan hasil dapatan kajian *UiTM Happiness Index 3.0* (UHI3.0) yang dilaksanakan di peringkat universiti. Kajian ini telah dijalankan bermula pada 1 Oktober 2020 sehingga 30 Oktober 2020. Indeks purata warga fakulti perubahan indeks kegembiraan adalah 67% iaitu dalam kategori Sederhana Gembira. Berikut merupakan markah setiap domain: emosi positif 62%, keterlibatan 64%, hubungan 71%, makna 71%, pencapaian 68% dan infrastruktur 67%.

SENARAI BUKTI:

1. [Emel Jemputan Coffee Talk with Dean Nov 2019.pdf](#)
2. [Emel KJ bagi urusan daftar risiko 2020.pdf](#)
3. [BORANG ADUAN PELAJAR bermasalah.pdf](#)
4. [Happiness Index comparison.pdf](#)
5. [Emel Maklumbalas Coffee Talk with Dean Nov 2019.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi bidang tumpuan P&P, pihak pengurusan sumber manusia di bawah tanggungjawab Timbalan Pendaftar mengenal pasti risiko berdasarkan penelitian kapasiti tenaga kerja yang diperlukan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak kedekanan dan ketua-ketua jabatan. Secara amnya, risiko yang dikenal pasti bagi bidang P&P adalah dari segi kapasiti tenaga kerja yang ada bagi menampung perkembangan fakulti dan dalam mencapai objektif dan sasaran PI yang ditetapkan. Salah satu risiko yang diteliti adalah dari segi memastikan pengekalan pensyarah berstatus pakar klinikal yang cenderung ditawarkan peluang pekerjaan di sektor swasta yang menjamin emolumen yang lebih tinggi. Justeru itu, fakulti telah melaksanakan beberapa strategi bagi mencegah risiko ini dari berlaku dengan memastikan pensyarah terlibat mempunyai peluang peningkatan kerjaya, memastikan persekitaran kerja yang selamat dan memberi pengiktirafan yang sewajarnya. Kesemua proses ini disahkan oleh pihak pengurusan dalam platform Panel Pengurusan Sumber Manusia. Sebagai contoh, dalam salah satu mesyuarat fakulti pada tahun 2019, anugerah turut diberikan bagi mengiktiraf kecemerlangan pensyarah pakar klinikal.

Risiko lain adalah berkaitan kesihatan. Pihak fakulti telah memberi kemudahan kepada warga untuk mendapatkan rawatan di Klinik Perubatan Primer yang terletak di Kampus Sungai Buloh dan juga Kampus Selayang. Warga fakulti boleh *walk-in* ke klinik ini bagi mendapatkan rawatan, jika mereka memerlukan rawatan susulan, mereka akan dirujuk ke klinik pakar yang terletak di PPPUiTM dan juga hospital kerajaan yang berdekatan. Mereka juga boleh mendapatkan kaunseling dan nasihat dari kaunselor di fakulti.

Di samping itu juga, pihak fakulti mempunyai JK Occupational Safety and Health (OSH) yang dipengerusikan oleh dekan dan bertanggungjawab dalam semua aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang secara langsung dan tidak langsung terlibat dalam menangani risiko berkaitan pekerjaan yang melibatkan staf di fakulti. Selain itu, kampus-kampus di fakulti juga terbuka untuk orang awam kerana kewujudan klinik-klinik dan makmal seperti PPPUiTM dan IMMB. Ini mewujudkan risiko keselamatan kerana orang yang tidak dikenali boleh memasuki perkarangan kampus. Ini boleh memberi risiko kepada kejadian pecah masuk dan kecurian barangan. Bagi IMMB risiko jabatan ini didaftarkan dalam daftar risiko fakulti di bawah koordinasi Penyelaras Risiko seperti yang dinyatakan dalam Bab K1.

SENARAI BUKTI :

1. [OSH email 2020.pdf](#)
2. [Petikan Daftar Risiko IMMB may 2020.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Data-data yang dikumpul melalui saluran-saluran maklum balas yang dinyatakan di analisa di peringkat unit atau jabatan dan dibentangkan di peringkat pengurusan bagi merangka tindakan penambahbaikan kepada pembangunan sumber manusia di fakulti. Bagi menjamin kebajikan kakitangan, fakulti telah menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Staf bagi merapatkan perhubungan antara warga di samping memupuk semangat bantu membantu antara satu sama lain. Beberapa inisiatif telah dijalankan terutamanya penyampaian wang saku kepada kakitangan yang mendapat cahaya mata pertama dan jika ditimpa musibah kesakitan. Persekitaran kerja yang selesa dan kondusif juga merupakan cara penambahbaikan sumber manusia di Fakulti. Pihak sumber manusia telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti sistem penapis air dan alat tulis. Bagi menggalakkan gaya hidup yang aktif dan sihat, Biro Sukan dan Rekreasi telah ditubuhkan bagi menjaga kesihatan warga fakulti.

Bagi risiko kesihatan, warga fakulti boleh mendapatkan rawatan dan rawatan susulan di kampus dan ini boleh mengurangkan masa menunggu bagi rawatan. Bagi menjamin keselamatan di kampus, pihak fakulti telah menempatkan polis bantuan seperti di pintu masuk utama, di lobi PPPUiTM, lobi IMMB dan sebagainya. Kemasukan ke tempat-tempat yang berkepentingan seperti bilik pensyarah, makmal dan sebagainya adalah menggunakan kad akses yang perlu diaktifkan oleh polis bantuan. Ini dapat menjamin keselamatan warga semasa bekerja.

Di samping itu juga, pada tahun 2019 maklum balas ketua jabatan berkaitan adanya staf yang mengalami kesukaran mendapatkan maklumat pekeliling berkaitan fakulti dan mendapatkan borang-borang berkaitan proses pentadbiran secara manual, maka pihak pengurusan atasan telah mengarahkan pejabat pentadbiran merangka sistem yang mesra pelanggan dan menyediakan capaian pantas bagi menangani isu ini. Berdasarkan maklumat ini, satu laman *web google* telah dibangunkan oleh pejabat pentadbiran yang mengandungi dokumen-dokumen pekeliling dan borang yang diperlukan oleh staf di fakulti.

Pada tahun 2020, didapati bagi sistem aduan email staf di Unit Kualiti mendapati tiada aduan yang diterima sepanjang tahun. Disebabkan hal ini, pihak pengurusan atasan membuat keputusan di dalam MKSP 2020 untuk mengguna pakai SOP baru bagi pengendalian aduan atau maklum balas staf dan juga pelajar yang diletakkan di bawah tanggungjawab Penyelaras Komunikasi Korporat.

SENARAI BUKTI :

1. [JKKSF visi.misi.objektif.pdf](#)
2. [Kriteria Sumbangan JKKSF.pdf](#)
3. [BPSM Google site.pdf](#)
4. [Minit Mesyuarat MKSP BIL12020 completed 28.07.2021 petikan.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil dari pengurusan sumber manusia yang baik akan menghasilkan sumber manusia yang berkebolehan. Fakulti memberi penghargaan kepada warga fakulti dengan memberi APC kepada warga yang cemerlang, pengumuman kejayaan dalam bentuk anugerah seperti menjadi penyelia dengan pelajar GoT, mendapat geran, anugerah dan kejayaan penerbitan di dalam mesyuarat fakulti, laman sesawang rasmi fakulti dan melalui emel kepada semua warga. Ini telah dapat memberi dorongan kepada warga lain bagi mencapai kejayaan yang sama.

Bagi proses-proses berkaitan pula, inovasi yang ketara berkaitan bidang tumpuan P&P dari aspek pengurusan sumber manusia adalah dari segi penghasilan laman web mudah capai dokumen oleh staf dan pewujudan sistem aduan baru di bawah Penyelaras Komunikasi Korporat yang dalam proses menggunakan *QR code* berbanding secara emel atau borang manual pada tahun sebelumnya.

SENARAI BUKTI :

1. [Fac meeting - publication.pdf](#)
2. [Geran ceremony.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan bidang tumpuan iaitu P&P berjalan dengan lancar, operasi yang perlu diberi perhatian ialah operasi di pihak pelajar dan juga di pihak pensyarah. Bagi pelajar, operasi bahagian akademik, DOME, IMMB dan pasca siswazah perlu diberi penekanan. Bagi pihak pensyarah, operasi bahagian pentadbiran yang menguruskan laluan kerjaya dan kebajikan pensyarah perlu diambil perhatian.

Kesemua proses di fakulti sedikit sebanyak berlandaskan kepada proses PDCA. Sebelum mana-mana program dijalankan, perancangan yang teliti perlu dilakukan. Selepas program dijalankan, maklum balas perlu diambil dan tindakan penambahbaikan perlu menyusul. Di bahagian akademik, PDCA boleh dilihat dalam proses pengambilan pelajar baru, proses peperiksaan dan sebagainya. Bagi pihak pasca siswazah, proses PDCA diamalkan di setiap proses seperti proses menemuramah pelajar pasca siswazah, memastikan pelajar berjaya GoT, proses *viva voce*, dan penambahan program pasca siswazah yang baru. Bagi IMMB, PDCA diamalkan bagi memastikan alatan makmal dijaga dengan teliti bagi proses penyelidikan. Di DOME pula, PDCA penting kerana pembangunan unit baru sedang dilaksanakan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan P&P berjalan dengan lancar sebagai contoh, untuk pelajar pra-klinikal, sebelum pelajar masuk pihak akademik akan menyusun kalendar akademik, melantik koordinator tahun dan modul dan jabatan akan membuat pembahagian syarahan. Pensyarah terlibat bertanggungjawab menyampaikan syarahan, membuat soalan tutorial dan peperiksaan. Senarai nama ini akan diberi kepada koordinator tahun 1 dan 2 dan koordinator modul bagi susunan jadual waktu. Selepas jadual waktu modul disusun, ketua jabatan akan meneliti semula jika terdapat sebarang pembetulan. Di samping itu, koordinator tahun akan membuat *blueprinting* soalan dan meminta jabatan membuat soalan berdasarkan ini. Soalan yang dibuat akan menjalani proses *vetting* jabatan dan *vetting* tahun bagi memastikan kualiti soalan. Setelah peperiksaan akhir semester atau akhir tahun dijalankan, *Examiners Board Meeting* (EBM) akan dijalankan bagi pembentangan keputusan dan maklumbalas pensyarah. Selepas itu, keputusan akan diluluskan oleh JAF. Sepanjang tahun pengajian, pelajar dan pensyarah boleh memberi maklumbalas kepada pihak akademik. Pelajar yang lemah juga akan dikenalpasti dan pelajar akan mempunyai mentor bagi membantu mereka. Sepanjang tahun juga, pihak akademik menjalankan aktiviti bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar seperti pengucapan awam melalui program MicroTedX dan program elektif. Penerangan lengkap proses-proses ini di dokumenkankan sebagai Manual Proses Kerja (MPK) di Pejabat Akademik Fakulti yang disahkan dalam MPF.

Bagi pengoperasian IMMB, pengarah akan memberi tanggungjawab kepada pegawai sains untuk menguruskan makmal yang berbeza. Pegawai sains ini bertanggungjawab ke atas kalibrasi alatan di makmal, memastikan pelajar mematuhi arahan di makmal dan menerima sebarang aduan kerosakan. Pelajar dan kakitangan di IMMB bebas untuk memberi aduan, cadangan dan maklumbalas kepada pengarah IMMB pada bila-bila masa. Kakitangan di IMMB juga memastikan pembelajaran secara berterusan dengan menganjurkan *IMMB Journal Club* setiap minggu dan latihan serta webinar bersama industri dan juga penceramah dari agensi luar.

Operasi pihak pasca siswazah di bawah pimpinan TDPG meliputi pelajar pasca siswazah secara penyelidikan dan juga pelajar sarjana kepakaran. Di bawah TDPG, terdapat koordinator bagi setiap program pasca siswazah. Kakitangan di pejabat pasca siswazah membantu dalam permohonan program pasca siswazah baru, permohonan pelajar pasca siswazah baru, pemantauan pelajar pasca siswazah. Bagi permohonan program baru, pihak di peringkat jabatan, aktiviti penanda aras dengan IPT luar merupakan komponen penting bagi memastikan program yang dirancang adalah berkualiti dan mengikut kehendak pasaran. Manakala, bagi proses operasi di fakulti seperti *viva voce* pelajar secara penyelidikan, pihak pasca siswazah akan menghantar tesis kepada pemeriksa dalam atau luar dan membuat panggilan susulan. Setelah pemeriksa menghantar laporan mereka, pihak pasca siswazah akan menganjurkan proses viva dengan menetapkan tarikh dan menjemput panel pemeriksa. Selepas viva, setelah pelajar membuat pembetulan, pihak pasca siswazah akan berurusan dengan IPSIS bagi urusan kelulusan senat dan konvokesyen. Pengoperasian pasca siswazah bagi memastikan pelajar GoT akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab hasil.

Sebagaimana yang dihuraikan dalam Bab K1 dan K2, proses-proses operasi P&P adalah dirangka berdasarkan hala tuju fakulti dan penetapan sasaran objektif serta PI yang ada. Perancangan operasi juga adalah selaras dengan perundangan universiti, keperluan akreditasi, penanda aras dengan rakan strategik dan pesaing industri serta seiring dengan dokumentasi manual kualiti yang disahkan pihak kepimpinan.

SENARAI BUKTI:

-
1. [Email microtedx.pdf](#)
 2. [Email board meeting.pdf](#)
 3. [cover guide baru elektif booklet.pdf](#)
 4. [v1ORG CHART DOME.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kebanyakan proses di fakulti yang berkaitan dengan P&P melibatkan proses *Plan, Do, Check, Action* (PDCA). Sebagai contoh proses pemilihan pelajar baru melalui MMI.

Plan: Bagi mendapat graduan doktor yang dikehendaki, calon pelajar harus menjalani beberapa sesi temuramah yang akan menilai calon pelajar dari pelbagai sudut. Hampir kesemua sekolah perubatan di Malaysia dan di dunia telah mengaplikasikan proses pemilihan pelajar. Bagi menjayakan proses ini, pelbagai pendekatan telah dilakukan. Pihak akademik terlebih dahulu membuat lawatan penanda aras ke organisasi berkaitan dan melantik JK yang melalui proses latihan yang khusus sebelum prosedur bagi MMI ini disediakan.

Do: Setelah mendapat kelulusan dari pihak universiti dan merancang dengan teliti pelaksanaan sesi temuramah ini, ianya telah dijalankan secara bersemuka pada tahun 2019 dan secara atas talian pada tahun 2020.

Check: Selepas setiap kali proses temuramah, jawatankuasa akan mengambil maklumbalas dari pensyarah dan calon pelajar dan juga menjalankan *post-mortem* antara ahli jawatankuasa.

Action: Maklumat yang didapati dari maklumbalas dan *post-mortem* akan digunakan bagi sesi MMI untuk tahun selepasnya.

Bagi proses peperiksaan pula, berikut merupakan proses PDCA yang terlibat.

Plan: Bagi peperiksaan akhir semester pra-klinikal, pihak akademik perlu merangka soalan yang perlu ditanya dari setiap subjek yang berbeza. Proses pembuatan soalan dan *vetting* perlu dilakukan oleh JK yang telah dilantik oleh pengurusan atasan. Tarikh peperiksaan dan nama pengawas dan pemeriksa peperiksaan dikenal pasti.

Do: Peperiksaan akan diadakan mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan.

Check: Selepas peperiksaan, pemeriksa akan memeriksa kertas peperiksaan, memasukkan markah ke dalam sistem pemarkahan (dahulunya hanya boleh dilakukan di komputer pejabat akademik dan ke dalam sistem *excel*). Selepas selesai, EBM akan diadakan di mana pensyarah akan memberi maklumbalas dan cadangan penambahbaikan sebelum keputusan di bawa ke JAF untuk diluluskan.

Action: Sebarang kekurangan pada perjalanan peperiksaan akan dinilai dan diambil tindakan penambahbaikan. Contoh penambahbaikan berinovasi yang dapat dilihat di sini ialah pembangunan sistem kemasukan markah secara atas talian (CERTS) yang dibangunkan oleh pihak IT fakulti bersama pihak akademik.

Contoh Jabatan Pendidikan Perubatan

Plan: Pembangunan CSL sebagai sebuah pusat di mana pelajar boleh menjalankan prosedur yang penting dalam bidang sains perubatan merupakan matlamat utama jabatan ini. Pelajar memerlukan kemudahan pembelajaran secara kaedah simulasi terutamanya semasa pandemik Covid-19. Bagi mencapai objektif ini, pihak Jabatan Pendidikan Perubatan telah membangunkan FSS, wad simulasi dan juga merekrut pesakit simulasi. Bagi tujuan penggunaan pula, cadangan yang dipilih adalah menyediakan platform tempahan secara atas talian.

Do: Pembangunan CSL dilaksanakan mengguna pakai struktur standard CSL di universiti lain di Malaysia seperti yang terletak di IMU.

Orrect. Penggunaan kemudahan yang disediakan di CSL direkodkan dan maklum balas diambil bagi tujuan penambahbaikan seperti keperluan dan penerimaan terhadap sistem tempahan secara atas talian. CSL juga telah menjadi tempat bagi bengkel latihan graduan selepas menamatkan pengajian dan sebelum mendapat pekerjaan seperti *Houseman Workshop*. Pensyarah juga memberikan maklum balas mengenai FSS dan juga wad dan pesakit simulasi bagi tujuan penambahbaikan sesi pengajaran.

Action: Wad simulasi telah digunapakai untuk *bedside teaching*. Selain itu, Jabatan Pendidikan Perubatan turut merancang beberapa komponen baru di dalam CSL seperti pembelajaran secara maya (*virtual reality*) dan lain-lain lagi bagi menambah komponen P&P di CSL.

SENARAI BUKTI :

1. [MMI - Kertas kerja cadangan TEMUDUGA kemasukan ke MBBS240 \(SENAT\).pdf](#)
2. [Certificate - MMI Training.pdf](#)
3. [Email vetting.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Secara amnya, proses akademik adalah dipantau oleh agensi MQA supaya ianya mematuhi piawaian program yang ditetapkan. Pihak fakulti menerima lawatan secara berjadual dari pihak MQA bagi pemantauan luar. Manakala bagi pemantauan dalaman, pemantauan program akademik dan proses pengurusan dikendalikan unit kualiti dengan menjalankan audit dalaman. Kedua-dua laporan hasil dari audit ini dibincangkan dalam MPF untuk mendapatkan maklum balas pengurusan atasan

Hasil proses PDCA ini boleh dilihat dari hasil akhir inisiatif tersebut. Bagi proses PDCA yang diuraikan sebagai contoh di bahagian sebelum ini iaitu pemilihan pelajar baru, hasil PDCA ini ialah kemasukan pelajar baru yang mempunyai markah akademik dan juga kemahiran insaniah yang tinggi. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja berjaya dalam peperiksaan mereka tetapi mereka juga aktif dalam bidang ko-kurikulum. Mereka mampu menganjurkan beberapa program seperti kuiz, debat antara pelajar dan lawatan kemasyarakatan. Pencapaian ini dipantau oleh pejabat akademik dan hal ehwal pelajar.

Bagi contoh PDCA kedua iaitu proses peperiksaan, hasil yang dapat dilihat ialah penambahbaikan proses peperiksaan. Bagi menangani proses peperiksaan semasa Covid-19, proses PDCA telah diguna pakai oleh pihak akademik sehingga proses peperiksaan dapat ditukarkan secara atas talian bagi pelajar pra-klinikal. Bukan sahaja peperiksaan dijalankan secara atas talian, beberapa komponen tugas juga telah dijalankan secara atas talian. Jika sebelum ini, subjek PPD memerlukan pelajar membuat tugas secara berkumpulan tentang topik berkaitan dengan etika perubatan. Semasa PKP, tugas ini telah ditukar menjadi tugas secara individu di mana pelajar harus membuat video mereka mengupas topik yang berkaitan dengan etika perubatan. Pemantauan secara langsung dilaksanakan oleh koordinator tahun yang melapor kepada TDA.

Hasil pemantauan PDCA di IMMB contohnya mendapati terdapat penurunan jumlah kes kerosakan alatan makmal dan penambahan aktiviti perkongsian ilmu melalui latihan industri dan penganjuran bengkel. Bagi Jabatan Pendidikan Perubatan, hasil pemantauan PDCA ialah penghasilan pelbagai unit di Jabatan Pendidikan Perubatan yang mempunyai portfolio yang tersendiri bagi membantu pensyarah dan pelajar dalam proses P&P. Di pasca siswazah pula, pemantauan PDCA akan melibatkan data seperti peningkatan bilangan program baru, pelajar baru dan pelajar yang tamat pengajian secara GoT yang berada di bawah tanggungjawab TDPG.

SENARAI BUKTI:

1. [report MO.pdf](#)
2. [Email MOCK exam.pdf](#)
3. [IMMB Newsletter.pdf](#)
4. [PPD - 200421 Y2 Updates Regarding Changes in Evaluation and Assessment of PPD Course- Year 2.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap proses PDCA pasti mempunyai risiko mereka yang tersendiri. Bagi contoh PDCA kemasukan pelajar baru melalui MMI, antara risikonya ialah perbezaan pendapat di antara pensyarah yang menjadi penemuramah dan ini akan menyumbang kepada *bias*. Pensyarah yang berbeza mempunyai pandangan tersendiri semasa calon pelajar menjawab soalan semasa proses MMI. Pada 2020, MMI telah dijalankan secara atas talian, risiko seperti masalah internet di kalangan calon dan pensyarah adalah tidak dapat dielakkan.

Bagi contoh PDCA yang kedua iaitu proses peperiksaan, risiko seperti talian internet yang tidak stabil di kalangan pelajar dan pensyarah perlu ditangani. Terdapat juga risiko terhadap proses peperiksaan atas talian itu sendiri, kerana ia merupakan kali pertama fakulti menggunakan platform UFUTURE untuk peperiksaan.

Seperti yang dinyatakan di dalam K1, risiko-risiko dikenal pasti dan dicegah secara menyeluruh dengan memastikan setiap jabatan di fakulti mendaftarkan risiko secara am yang melibatkan operasi akademik dan pelan pencegahan ke dalam daftar risiko yang diselaraskan oleh Penyelaras Risiko fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [Daftar risiko.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses penambahbaikan bagi operasi pemilihan pelajar iaitu MMI dilakukan sebelum pelaksanaannya kepada calon pelajar. Contohnya, bagi mengurangkan *bias* yang mungkin timbul semasa sesi MMI, pensyarah perlu mengikuti bengkel latihan MMI di mana pensyarah akan dibahagikan kepada kumpulan mengikut domain. Di dalam bengkel ini, pensyarah akan diperkenalkan kepada domain yang akan ditemuramah semasa MMI. Antara domain ini ialah pengetahuan tentang sistem kesihatan, etika, profesionalisme dan sebagainya. Pensyarah akan dipilih berdasarkan bidang kepakaran mereka untuk sesuatu domain. Seperti contoh domain etika, pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam etika perubatan akan ditempatkan untuk stesen temuramah domain etika. Semasa bengkel ini juga mereka akan ditunjukkan beberapa versi video temuramah dan mereka diminta untuk mengkalibrasi markah temuramah. Semasa proses MMI itu sendiri, dua orang pensyarah akan menemuramah calon yang sama dan mencapai kata sepakat dalam pemarkahan bagi mengurangkan *bias*.

Bagi MMI secara atas talian, calon telah diberitahu lebih awal melalui surat rasmi mengenai tatacara MMI secara atas talian dan calon juga diminta untuk ke tempat di mana mereka boleh mendapat talian Internet yang stabil. Pensyarah juga telah berkumpul di kampus yang terlibat seperti Kampus Selayang bagi memastikan sesi MMI ini berjalan dengan lancar.

Bagi operasi peperiksaan secara atas talian, melihat kepada data yang menjangka akan berlaku risiko seperti yang dinyatakan sebelum ini, bagi memastikan soalan peperiksaan adalah sesuai untuk platform UFUTURE, koordinator tahun dan modul telah menjalankan *mock exam* bagi pelajar dan juga pensyarah bagi memastikan format peperiksaan menggunakan UFUTURE boleh digunakan. Pelajar yang mempunyai masalah dengan talian Internet juga dipertimbangkan untuk balik semula ke kampus sebagai salah satu langkah penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [Certificate - MMI Training.pdf](#)
2. [Email Sally.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan bagi pengurusan operasi fakulti sentiasa dilakukan menggunakan kaedah PDCA. Segala proses bagi P&P baik di bahagian akademik atau pasca siswazah sentiasa mengikut proses yang sepatutnya dan ini telah menjadi suatu budaya di fakulti. Inovasi yang dapat dilihat berdasarkan pemantauan dan analisa maklum balas pensyarah bagi melicinkan proses berkaitan P&P adalah seperti kewujudan platform pengisian markah komponen peperiksaan dari menggunakan secara manual menggunakan aplikasi microsoft excel kepada sistem atas talian (CERTS). Pengurusan penggunaan sistem ini adalah di bawah tanggungjawab TDA dan dikendalikan oleh koordinator tahun yang dilantik. Penggunaan sistem ini telah diguna pakai secara rasmi di fakulti bagi peperiksaan sejak tahun 2019.

SENARAI BUKTI :

1. [JAF - CERTS.pdf](#)
2. [Email enter certs.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil dari Perancangan Strategik - Fakulti Perubatan

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Seperti yang telah dibincangkan di Kriteria 2, terdapat dua perancangan strategik fakulti yang telah dibincangkan pada Bengkel Perancangan Strategik yang meliputi P&P. Pelan pertama ialah berkenaan pascasiswazah dan pembangunan professional dan kedua ialah akademik dan hal ehwal pelajar. Terdapat juga perancangan strategik yang sedia ada iaitu *Quantum Leap* bagi menambah bilangan program pascasiswazah dan juga *Infinite Digital Learning* bagi memperkasa pembelajaran secara atas talian. Beberapa inisiatif telah diambil bagi mencapai pelan strategik tersebut.

Bagi pelan strategik pertama iaitu pascasiswazah dan pembangunan professional, matlamatnya ialah menambah bilangan program pascasiswazah yang baru, terutama bagi sarjana kepakaran, menambah bilangan pelajar pascasiswazah dan meningkatkan bilangan pelajar yang berjaya GoT. Pelan strategik kedua yang berkaitan dengan P&P ialah akademik dan hal ehwal pelajar. Matlamat pelan ini ialah untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dan memastikan pelajar dapat mengaplikasi ilmu pengetahuan semasa tahun klinikal. Beberapa inisiatif telah dirangka bagi mencapai tujuan ini. Dua pelan sedia ada juga turut diberi penekanan, bagi *Quantum Leap* inisiatifnya adalah sama seperti untuk pelan pascasiswazah. Bagi *Infinite Digital Learning*, inisiatif seperti penambahan bilangan MOOC oleh pensyarah, pendaftaran pelajar bagi kursus MOOC dan penambahbaikan CSL adalah antara agenda utama.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Hasil 1 - Perancangan Strategik - Tahap-Level.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Hasil 1 - Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Hasil 1 - Benchmark.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Hasil 1 - Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Tumpuan kepada Pelanggan - Fakulti Perubatan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan bagi bidang tumpuan P&P ialah pelajar sarjana muda perubatan dan juga pelajar pascasiswazah penyelidikan dan juga pascasiswazah sarjana kepakaran. Kesemua pelajar ini mempunyai kurikulum yang berbeza. Bagi pelajar sarjana muda atau pelajar perubatan, fakulti telah menjalankan temuramah kemasukan melalui proses MMI yang bermula untuk kemasukan tahun 2019. Proses temuramah ini penting bagi memastikan pelajar yang mengikuti kursus ini menepati piawaian doktor abad ke 21.

Fakulti juga telah menyusun kurikulum yang komprehensif bagi pelajar perubatan ini. Peperiksaan secara berkala juga diadakan dan keputusan peperiksaan ini akan dipantau supaya pelajar yang lemah dapat dikenalpasti. Selain dari kurikulum, pelajar juga digalakkan untuk meningkatkan kemahiran insaniah mereka melalui aktiviti seperti program elektif dan juga penglibatan dalam bidang ko kurikulum. Fakulti juga sentiasa menambahbaik P&P melalui penubuhan pembelajaran secara simulasi, memperkasa pembelajaran secara digital dan sebagainya. Kualiti pelajar atau graduan dapat dilihat melalui *tracer study* di mana hampir semua graduan sarjana muda berjaya mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.

Bagi pelajar pascasiswazah pula, keperluan penyelidikan mereka diuruskan dengan berkesan oleh pihak IMMB. Mereka juga telah mencapai pelbagai kejayaan seperti anugerah inovasi, penerbitan di jurnal bertaraf Q1 dan sebagainya. Pelajar pascasiswazah juga dipantau dengan baik oleh pihak TDPG bagi memastikan pelajar berjaya menamatkan pengajian secara GoT.

Dari segi kebajikan dan kesihatan, pelajar boleh mendapatkan rawatan kesihatan secara terus di Klinik Kesihatan Primer yang terletak di dalam kampus.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Hasil 2 - Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Hasil 2 - Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Hasil 2 - Benchmarking.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Hasil 2 - Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Tumpuan kepada Sumber Manusia - Fakulti Perubatan

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti mempunyai sumber manusia yang baik bagi memastikan tumpuan kepada P&P menjadi lancar. Guru yang baik dan berpengetahuan tinggi akan menghasilkan anak murid yang juga berpengetahuan tinggi dan berkemahiran. Adalah penting bagi fakulti melabur di dalam sumber manusia bagi mencapai pelan strategik fakulti.

Pensyarah di fakulti majoritinya mempunyai kelayakan kedoktoran atau setara, di sini ianya ialah sarjana kepakaran. Bagi pensyarah yang juga merupakan doktor pakar, mereka selalunya akan menyambung pengajian mereka di dalam bidang sub kepakaran sama ada di dalam atau di luar negara. Sebagai contoh, doktor pakar yang telah memperolehi ijazah sarjana dalam bidang pembedahan boleh mengambil sub kepakaran pembedahan sistem gastroenterologi. Fakulti memberi peluang dan menyokong sebarang permohonan pensyarah untuk melanjutkan pelajaran setelah berbincang dengan ketua jabatan bagi memastikan tenaga kerja mencukupi.

Selain dari pengetahuan, pensyarah juga perlu meningkatkan kemahiran dan sentiasa mengemaskini pengetahuan mereka. Bagi tujuan ini, fakulti menyokong permohonan pensyarah untuk mengikuti sebarang latihan, bengkel, persidangan dan sebagainya. Pensyarah fakulti juga turut mendapat pelbagai jemputan seperti menjadi penceramah, pemeriksa peperiksaan, pensyarah jemputan dan sebagainya. Pensyarah juga turut berkongsi ilmu pengetahuan melalui media seperti penulisan artikel di suratkhbar, majalah dan kemunculan di televisyen.

Kejayaan pensyarah dapat dilihat dari jumlah pensyarah yang terlibat dengan penerbitan, jumlah geran yang diperolehi, anugerah dan juga inovasi yang terhasil. Kejayaan pensyarah membolehkan mereka mendapat APC dan memudahkan laluan kerjaya mereka. Penambahbaikan proses P&P oleh pihak dilakukan berdasarkan maklumbalas PROPENS dan juga SUFO. Bagi mendapatkan idea mengenai tahap kegembiraan pensyarah dan warga fakulti yang lain, dapatan dari kajian UiTM Happiness Index 3.0 adalah dirujuk. Fakulti juga mengambil berat tentang kebajikan kakitangan di mana satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi menjaga kebajikan kakitangan fakulti.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Hasil 3 - Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Hasil 3 - Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Hasil 3 - Benchmark.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Hasil 3 - Kepentingan.pdf](#)